



## Berita Utama

# BERANGKAT MENGHADIRI MAJLIS PENUTUP ADVANCED COMMAND AND STAFF COURSE KE-28

**Siaran Akhbar :**  
**Jabatan Perdana Menteri**

**LONDON, UNITED KINGDOM, Jumaat, 18 Julai.** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Majlis Penutup Advanced Command and Staff Course (ACSC) Ke-28 yang berlangsung di Cormorant Hall Lecture Theatre, Joint Services Command and Staff College, Akademi Pertahanan United Kingdom, Shrivenham, United Kingdom.

>> Muka 4



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berkenan mengurniakan Pass Staff College (Joint) Certificate dan Pin Cormorant kepada anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang berjaya menamatkan Advanced Command and Staff Course (ACSC) Ke-28. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



**TALIAN Kasih** memupuk hubungan kukuh antara masjid seborneo

Muka 8



**2 syarikat tempatan** dilantik laksanakan perkhidmatan pemotongan rumput

Muka 10



**ABDUL Khaliq Qusyairi johan** Pertandingan Tarhim Subuh

Muka 13



**BERKARIH, berjariah'** dalam berniaga gerai makan

Muka 20

# Zahir rasa syukur atas berkat kepimpinan Kebawah DYMM

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai.** - Raja memiliki kedudukan tinggi dan mulia yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala selaku *walil amr*.

Kita selaku rakyat mempunyai tanggungjawab mentaati, membantu dan mendoakan raja menjalankan amanahnya.

Amalan mendoakan raja bukan sahaja menjaga keharmonian masyarakat, bahkan

menjamin kestabilan politik dan ekonomi negara.

Perkara tersebut antara inisiatif tazkirah mengenai 'Mendoakan Raja' yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan pada malam tadi bagi menyerikan Malam Munajat Ilal Hijrah

Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

>> Muka 6

## Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 dibarigakan

**Siaran Akhbar : Kementerian Pembangunan**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Julai.** - Seramai lebih kurang 50 pengamal undang-undang swasta telah menghadiri Taklimat Pembarigakan Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 yang diadakan

baru-baru ini di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Sesi taklimat bertujuan untuk memberikan penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan dan implikasi Perintah Kanun Tanah

(Pindaan) 2025, serta meningkatkan kefahaman dalam kalangan pengamal undang-undang terhadap pindaan yang telah diperkenalkan.

>> Muka 8



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap pada Sidang Media : Dasar Keperluan Insurans Bagi Warganegara Asing dan Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang berlangsung pada Khamis, 10 Julai 2025 di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.**

**TERLEBIH** dahulu, diucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Sidang Media pada hari ini.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan telah dan akan melaksanakan dasar baharu perlindungan insurans perubatan bagi penduduk-penduduk tetap dan pemegang Pas-pas Imigresen yang telah berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 bagi Fasa Pertama yang melibatkan beberapa jenis Pas-pas Imigresen dan kategori Taraf Penduduk Tetap berwarganegara Asing seperti berikut :

1. Pemegang Pas Kerja dalam Kategori Perkhidmatan Domestik;
2. Pemegang Pas Lawatan yang masuk ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan menggunakan Visa Lawatan;
3. Pemegang Pas Lawatan dalam Kategori Profesional dan Pas Lawatan dalam Kategori Berniaga; dan
4. Penduduk Tetap NBD yang berwarganegara asing di bawah Kategori Warganegara Asing yang Menyumbang Kepada Perekonomian, Pembangunan dan Kemajuan Negara dan Kategori Warganegara Asing Golongan Profesional.

Manakala, Fasa Kedua akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026 akan melibatkan beberapa jenis Pas Imigresen seperti berikut :

1. Pemegang Pas Kerja Kategori Syarikat (Sektor Swasta);
2. Pemegang Pas Tanggungan (Isteri dan anak yang tidak bersekolah); dan
3. Pemegang Pas Penuntut berwarganegara asing.

Jumlah perlindungan minimum insurans perubatan adalah tertakluk kepada kategori Pas-pas Imigresen yang dipohonkan dan perlindungan insurans ini hendaklah sah di sepanjang tempoh sah Pas-pas Imigresen atau permit masuk seperti berikut :

- Pas Kerja : BND100,000.
- Pas Lawatan Sosial : BND10,000.
- Pas Lawatan Profesional dan Berniaga : 90 hari ke bawah : BND10,000.
- Lebih 90 hari : BND100,000.
- Pas Tanggungan : BND10,000.
- Pas Penuntut : BND5,000.
- Penduduk Tetap NBD yang

berwarganegara asing di bawah Kategori Warganegara Asing yang Menyumbang Kepada Perekonomian, Pembangunan dan Kemajuan Negara dan Kategori Warganegara Asing Golongan Profesional: BND100,000.

Perlindungan insurans boleh dibeli dari syarikat insurans di NBD atau mana-mana syarikat insurans luar negeri yang menawarkan *worldwide coverage* termasuk di NBD.

Berikutan dengan pelaksanaan Dasar Perlindungan Insurans Perubatan tersebut, pengemaskinian prosedur bagi kemasukan warganegara asing ke NBD dengan menggunakan kebenaran visa-visa dan pas-pas imigresen serta prosedur-prosedur pelaksanaan lain adalah seperti berikut :

1. Jika pelawat sudah mempunyai perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka Pas Lawatan akan diberikan mengikut tempoh Visa Lawatan yang telah dibenarkan.

2. Manakala bagi pelawat yang belum ada perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka tempoh Pas Lawatan akan diberikan selama dua minggu sahaja dan penyambungan Pas Lawatan mengikut tempoh yang dibenarkan, bolehlah dibuat ke Bahagian Visa Lawatan dan Diplomatik di Ibu Pejabat JIPK dan pejabat-pejabat cawangan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan termasuk sijil perlindungan insurans.

3. Bagi warganegara asing yang memegang Pas Lawatan Sosial atau Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Long Term Pass) atau mereka

yang telah dikumiikan taraf Penduduk Tetap NBD sama ada suami, isteri dan anak-anak yang mempunyai kaitan kekeluargaan dengan rakyat dan Penduduk Tetap NBD, mereka adalah digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans perubatan di sepanjang tempoh keberadaan mereka di negara ini.

Bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran Pas Lawatansebelum 1 Julai 2025 dan tidak mempunyai perlindungan insurans perubatan atau kadar perlindungan tidak mencukupi mengikut kadar minimum yang telah ditetapkan dan Pas Lawatan mereka masih sah selepas 1 Julai 2025, maka mereka adalah dikehendaki untuk mendapatkan perlindungan insurans mengikut baki tempoh Pas Lawatannya dengan kadar perlindungan yang baharu iaitu minimum BND10,000.

Bagi Dasar Perlindungan Insurans Perubatan kepada pekerja asing dalam Perkhidmatan Domestik yang mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2025 dan Perkhidmatan dalam Kategori Sektor Swasta yang akan bermula pada 1 Januari 2026, mana-mana warganegara asing yang telah diberikan kebenaran Visa Kerja atau pekerja asing yang balik ke negara asal setelah menamatkan kontrak perkhidmatan dan berhasrat untuk menyambung perkhidmatan dengan majikan yang sama dan sudah mempunyai perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di NBD, maka Pas Kerja akan diberikan mengikut prosedur pemberian Pas Kerja yang berkuat kuasa pada masa ini.

>> Muka 5

| WAKTU SEMBAHYANG |        |                 |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|-----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| JULAI MASIHI     | HARI   | MUHAMMAD HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 21               | ISNIN  | 25              | 4.43  | 4.53  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 22               | SELASA | 26              | 4.43  | 4.53  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 23               | RABU   | 27              | 4.43  | 4.53  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38    | 7.52  |
| 24               | KHAMIS | 28              | 4.44  | 4.54  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.37    | 7.51  |
| 25               | JUMAAT | 29              | 4.44  | 4.54  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37    | 7.51  |
| 26               | SABTU  | 1 SAFAR         | 4.44  | 4.54  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37    | 7.51  |
| 27               | AHAD   | 2               | 4.44  | 4.54  | 6.16   | 6.40 | 12.28 | 3.50 | 6.37    | 7.51  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                |                |  |
|----------------------|----------------|----------------|--|
| ISNIN                | SELASA         | RABU           |  |
| Bandar Seri Begawan  |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 34<br>25<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 34<br>25<br>°C |  |
| Pekan Tutong         |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 34<br>25<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                |                |  |
| 34<br>26<br>°C       | 34<br>26<br>°C | 34<br>25<br>°C |  |

Wallahuallah Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 21 JULAI 2025

### Manfaatkan AI dengan bertanggungjawab

**K**ECERDASAN Buatan atau AI sudah menjadi perkara yang biasa pada era yang serba moden ini. Perkembangan teknologi ini telah membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan, pekerjaan, perniagaan, pembelajaran dan sebagainya.

Negara-negara maju sedang berlumba-lumba untuk membangunkan kemajuan teknologi mereka tambahan lagi pada masa ini kita berada dalam Revolusi Industri 4.0 iaitu satu revolusi yang menggabungkan teknologi siber serta melibatkan Internet of Things (IoT), AI dan big data.

Namun, dengan kemajuan teknologi yang semakin hebat ini, sudah setentunya ia memberikan impak yang positif dan negatif dalam kehidupan seharian kita terutama sekali dengan AI.

Apabila AI dimanfaatkan dengan sebaiknya, ia sudah setentunya meningkatkan efisiensi dalam kehidupan seharian kita. Tetapi apabila AI digunakan sebaliknya, ia memberikan kesan yang buruk dengan timbulnya kaedah yang disalah guna oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

Baru-baru ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui siaran akhbarnya memaklumkan mengenai sebuah video *deepfake* tular yang memaparkan pegawai atau anggota PPDB atau mana-mana individu dengan menggunakan teknologi AI, khususnya dalam bentuk video pendek, yang dimuat naik ke platform media sosial seperti TikTok, Facebook dan Instagram untuk tujuan penipuan.

Dalam modus operandi seperti ini, *scammer* akan menyiarkan video pendek menggunakan video dan audio yang telah dimanipulasi untuk menyerupai anggota polis, dengan tujuan memperdaya mangsa agar melabur dalam skim pelaburan palsu melalui pelbagai platform media sosial.

Sejak kebelakangan ini, beberapa video dari akaun TikTok yang sama telah didapati menggunakan teknik *deepfake* untuk menyamar sebagai pegawai polis, bagi menarik mangsa menyertai skim pelaburan penipuan yang dinamakan sebagai 'nyata kemunculan wang ajaib', dengan dakwaan skim tersebut telah berjaya membantu menyelesaikan pelbagai masalah kewangan.

Bahagian Siasatan Jenayah Siber, Jabatan Siasatan Jenayah, PPDB, menasihatkan orang awam agar tidak mudah terpedaya dengan video-video seperti ini atau apa-apa kandungan yang menjanjikan wang mudah atau keuntungan dalam jangka masa pendek.

Orang awam disarankan untuk melaporkan sebarang aktiviti penipuan atau kandungan mencurigakan kepada balai polis yang terdekat atau Talian Kecemasan Polis 993 serta memaklumkan kepada pihak bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang transaksi mencurigakan. – **Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat menghadiri Majlis Penutup Advanced Command and Staff Course Ke-28



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan bergambar ramai pada Majlis Penutup Advanced Command and Staff Course (ACSC) Ke-28 yang diadakan di Cormorant Hall Lecture Theatre, Joint Services Command and Staff College, Akademi Pertahanan United Kingdom, Shrivenham, United Kingdom.

## >> Muka 1

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah di mana baginda mengucapkan tahniah kepada para graduan ACSC Ke-28 yang mana atas kerja keras, ketabahan, dan dedikasi mereka telah berjaya menuju pencapaian tersebut, dan kepada para pemenang diiktiraf dengan sewajarnya, diberikan ganjaran, dan diraikan atas penerapan, penglibatan kritikal dan keazaman yang luar biasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah bahawa dengan pergolakan dan ketidakpastian yang tidak pernah berlaku sebelum ini, masa depan para graduan dan cabaran profesional adalah sangat nyata dan mencabar terutama sekali apabila kembalinya ke perkhidmatan masing-masing.

Para graduan, titah baginda, harus menerapkan pengalaman dan pengajaran; cabar secara bijaksana dan buat yang terbaik, terutamanya kepada mereka yang akan berhadapan dengan ancaman keselamatan negara masing-masing.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut mengucapkan maju jaya kepada mereka dan menasihati para graduan supaya bijak dalam memfokuskan perjalanan ke hadapan; menggunakan kemahiran dan pengajaran yang dipelajari;

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama DYTm Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan 964 Mejar (U) Muhammad Izdiyar bin Haji Imbran, graduan ACSC Ke-28 dari Negara Brunei Darussalam (kanan). Manakala gambar atas kanan, baginda berkenan berangkat ke majlis berkenaan.

serta rangkaian antarabangsa dan persahabatan yang dibina semasa berada di Akademi Pertahanan United Kingdom.

Baginda menekankan bahawa dunia menanti idea, kepimpinan dan semangat mereka, dengan itu dimanfaatkan sepenuhnya.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan Cormorant Award kepada Lt. Col. Fabrice Dubosson daripada Swiss Armed Forces.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Cormorant Building, Joint Services Command and Staff College dijunjung oleh

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Chief of the Defence Staff, Admiral Sir Tony Radakin; Commandant and Chief Executive of the Defence Academy, Major General Peter Rowell; Director of the Joint Services Command and Staff College, Air Commodore Ian Sharrocks; Head of Defence Studies Department, King's College London, Professor Kate Utting; Course Director,

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,  
Mohammad Hasif Matzin

Advance Command Staff Course, Colonel Rory Shannon dan graduan ACSC Ke-28, 964 Mejar (U) Muhammad Izdiyar bin Haji Imbran.

Berangkat mengiringi baginda

ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama anakanda-anakanda baginda, DYTm Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah (atas), manakala gambar bawah, DYTm Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat ke majlis berkenaan.



# BERKENAN MENGURNIAKAN PASS STAFF COLLEGE (JOINT) CERTIFICATE DAN PIN CORMORANT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang berjaya menamatkan Advanced Command and Staff Course (ACSC) Ke-28 (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan mengurniakan Cormorant Award kepada Lt. Col. Fabrice Dubosson dari Swiss Armed Forces.

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,**  
**Mohammad Hasif Matzin**

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Jumaat, 18 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pass Staff College (Joint) Certificate dan Pin Cormorant kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang telah berjaya menamatkan Advanced Command and Staff Course (ACSC) Ke-28.

ACSC ialah kursus kepimpinan yang direka untuk melengkapkan para pegawai tentera dan penjawat awam peringkat pertengahan bagi jawatan lebih kanan, dengan menumpukan pada evolusi berterusan dalam pertempuran moden serta membangunkan daya fikir untuk mencapai

kejayaan dalam peranan kepimpinan di bidang operasi dan kerajaan.

Pin Cormorant dianugerahkan kepada para peserta antarabangsa yang telah menamatkan ACSC. Peserta yang telah dianugerahkan pin berhak memakai mengikut peraturan pakaian negara masing-masing.

Burung Cormorant, sejenis burung laut terbesar di Britain, adalah lambang Joint Services Command and Staff College kerana kemampuannya terbang, berenang di permukaan laut, menangkap ikan di bawah air, dan bersarang di tanah, sekali gus mewakili elemen pertahanan

udara, maritim dan darat.

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah disemahkan dengan satu penghormatan daripada British Armed Forces dengan pertunjukan Fly Past by the Battle of Britain Memorial Flight.

Battle of Britain Memorial Flight ialah penerbangan Tentera Udara Diraja British yang menyediakan paparan udara dengan penerbangan beberapa buah pesawat bersejarah, dengan misi untuk mengekalkan

artifak pesawat warisan British dalam keadaan layak udara bagi memperingati mereka yang telah gugur semasa berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja British.

Pada akhir majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra bersama para penerima anugerah dan para penaja.

Tahun ini, seramai 260 orang pemimpin masa depan menyertai Kursus ACSC, mereka berasal dari 50 negara bersekutu dan sahabat.

## DPMM FC tewaskan Rimba Star FC, 10 – 1



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat menyaksikan perlawanan (atas). Manakala gambar bawah kanan, turut berkenan menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan. Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir menyaksikan perlawanan.**

**JERUDONG,** Ahad, 20 Julai. - (U18) terus mempersembahkan DPMM FC bawah 18 tahun permainan yang dominan pada



**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman**  
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

Liga Belia Brunei U18 Musim 2025 / 2026 apabila menewaskan Rimba Star FC, 10 - 1 pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Mini Jerudong, hari ini.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Turut berkenan menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan.

DPMM FC bermula garang sebaik wisel permulaan dengan mengasak ke gawang pelawat dalam usaha membuka jaringan. Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim berjaya menghadihkan hatrik bagi pasukannya masing-masing pada minit ke-5, ke-7 dan ke-12.

Manakala Mohd. Darwishafis Mohd. Hamzillah dan Muhd. Akmal Rizal kemudiannya

menambah dua lagi gol bagi pasukannya sehinggalah wisel separuh masa pertama dibunyikan dengan kedudukan 5 - 0.

Bersambung pada babak kedua, Rimba Star FC bangkit dengan semangat dan strategi baharu sehinggalah gol tunggal berjaya dihasilkan melalui Muhd. Farid Aqil Nazirul pada minit ke-50. Asakan bertali arus jentera serangan DPMM FC meraih gol tambahan apabila jaringan Yunus Poljarevic pada minit ke-52 dan ke-66 berjaya membolosi pintu gawang Rimba Star FC

menjadikan kedudukan 7 - 1. Selang seminit kemudian, Muhd. Akmal Rizal menghadihkan satu lagi jaringan bagi pasukannya pada minit ke-67.

DPMM FC terus menggandakan serangan dan menyaksikan giliran Muhd. Hafiz Hakim Azizan dan Md. Harith Aqil Azaman menambah dua lagi jaringan pada minit ke-84 dan ke-87 menjadikan kedudukan 10 - 1 sehinggalah tamat permainan.

Perlawanan minggu ketiga Liga Belia Brunei U18 Musim 2025 / 2026 akan diteruskan pada 23 Julai ini menyaksikan pertemuan di antara Kasuka FC menentang Dash FA.



## BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM AL-QURAN PPPBD



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 20 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 yang berlangsung di Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, di sini.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul

Bolkiah dijunjung oleh Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Naib Yang Dipertua PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali; dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Selawat Tafriyyah dan doa memulakan bacaan Al-Quran beramai-ramai dan diteruskan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim oleh para peserta Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 yang dipimpin oleh para peserta Khatam Al-Quran dari Unit Pemimpin Muda Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Sementara itu, bacaan Doa Khatam Al-Quran dipimpin oleh Pesuruhjaya Pemimpin Muda PPPBD, Dr. Mariam binti Haji Abdul Rahman.

Manakala bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) pula dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD.

Sebelum berangkat balik, Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli PPPBD dan peserta khatam.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79, Tahun 2025

adalah merupakan salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan.

Sebanyak tiga kumpulan pembaca yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin - pemimpin Dewasa dan Pemimpin-pemimpin Muda telah menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua 30 Juzuk Al-Quran bagi kumpulan masing-masing.

Turut hadir pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut ialah ahli-ahli persatuan yang terlibat dalam Projek Pencinta Kalam Allah yang telah melengkapkan bacaan kesemua 30 Juzuk Al-Quran setiap seorang.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM di samping sebagai tanda kesyukuran atas limpah kurnia kemakmuran dan keamanan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada NBD di bawah pemerintahan Kebawah DYMM.

Di samping kegiatan-kegiatan perkembangan kemahiran, kemasyarakatan dan kebudayaan, PPPBD turut aktif dalam mengunakayahkan kegiatan-kegiatan yang bersifat kerohanian dan keagamaan yang melibatkan penyertaan ahli-ahli daripada semua peringkat.

## HALUAN

### Dasar Perlindungan Insurans Perubatan, pengemaskinian prosedur kemasukan warganegara asing ke NBD

#### >> Muka 2

Manakala bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran Visa Kerja atau pekerja asing yang balik ke negara asal setelah menamatkan kontrak perkhidmatan dan berhasrat untuk menyambung perkhidmatan dengan majikan yang sama dan belum ada perlindungan insurans atau insurans perubatan mereka mansuh dan mereka tiba di mana-mana pos kawalan di NBD, maka tempoh Pas Kerja akan diberikan selama dua minggu. Penyambungan Pas Kerja bolehlah dibuat di Bahagian Pas Kerja di Ibu Pejabat JIPK dan pejabat-pejabat cawangan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan termasuk siji perlindungan insurans perubatan;

Bagi warganegara asing yang berkhidmat atau mempunyai perjanjian secara langsung dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Badan Berkanun (Statutory Body) adalah dikecualikan daripada Dasar Perlindungan Insurans Perubatan ini.

Bagi Pemegang Pas Penuntut yang menuntut di mana-mana institusi pengajian di negara ini adalah dikehendaki untuk mendapatkan Perlindungan Insurans Perubatan sepanjang tempoh Pas Penuntut berkenaan.

Jika penuntut tersebut sudah mempunyai perlindungan insurans perubatan semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka Pas Penuntut akan diberikan mengikut tempoh kebenaran menuntut dari pihak Kementerian Pendidikan atau dari institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Walau bagaimanapun, jika penuntut tersebut belum mendapatkan perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka tempoh Pas Penuntut akan diberikan selama dua minggu dan penyambungan Pas Penuntut mengikut tempoh yang dibenarkan bolehlah dibuat ke Bahagian Visa Lawatan dan Diplomatik di Ibu Pejabat JIPK dan pejabat-pejabat cawangan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan termasuk siji perlindungan insurans.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, bolehlah berhubung ke JIPK melalui e-mel [info@immigration.gov.bn](mailto:info@immigration.gov.bn) atau Jabatan Buruh melalui e-mel [info.buruh@buruh.gov.bn](mailto:info.buruh@buruh.gov.bn).

Sekian yang dapat saya dikongsikan berkenaan dengan pengemaskinian prosedur bagi kemasukan warganegara asing ke NBD dengan menggunakan kebenaran visa-visa dan Pas-pas Imigresen serta prosedur-prosedur pelaksanaan lain.



# PERTANDINGAN MENCIPTA REELS

## SEMARAK HARI KEPUTERAAN

Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun  
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025

Bermula 21 Julai 2025 hingga 30 Ogos 2025

Hadiah menarik untuk dimenangi!

| Pemenang                    | Hadiah   |
|-----------------------------|----------|
| Tempat Pertama              | BND1,000 |
| Tempat Kedua                | BND750   |
| Tempat Ketiga               | BND500   |
| Sagu hati bagi lima peserta | BND100   |

Dibukakan kepada belia berumur 12 hingga 25 tahun



Imbas kod QR




Untuk maklumat lanjut      Untuk muat turun borang pendaftaran

[www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) | [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)






Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri      InfoDeptBN      infodept.bn      Infodept\_bn

## Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun



### Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

**MALAM** Munajat tersebut diadakan secara fizikal dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong yang turut dihadiri sama oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet.

Ke-79 bagi Tahun 2025 adalah bagi menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kepimpinan Kebawah DYMM serta atas keamanan dan kemakmuran negara, kesefahaman antara raja dan rakyat serta perpaduan semua lapisan masyarakat pada mendukung usaha - usaha meneruskan pembangunan bagi mencapai kesejahteraan dan kemajuan yang seimbang dan semangat patriotik dan kecintaan rakyat terhadap raja yang dikasihi, serta disemarakkan lagi dalam suasana memperingati Sambutan Ilal Hijrah 1447.

Tutong bertempat di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong; manakala di Daerah Belait, bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; sementara Daerah Temburong pula tertumpu di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Di samping terus kekal mengajak masyarakat untuk mengamalkan Munajat secara istiqamah sebagai langkah menjaga keselamatan diri, keluarga, masyarakat dan negara serta menolak segala musibah dan bencana.



Sultan dan NBD oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Kemudiannya, diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak berjemaah.

Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di tiga buah daerah yang lain, iaitu Daerah

kementerian, serta ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah yang hadir secara fizikal mahupun secara maya dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadah di seluruh negara dan juga dari rumah-rumah persendirian.

Para tetamu khas, jemputan dan jemaah terlebih dahulu menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti Sembahyang Sunat Ba'diyah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, seterusnya bacaan Doa 'Afiat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Sejurus selesai tazkirah, majlis diteruskan dengan bacaan Selawat Nur oleh para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah.

Majlis diikuti dengan bacaan Doa Munajat dan Doa Peliharakan

**SEBAHAGIAN** yang hadir pada majlis berkenaan.

### >> Muka 1

Pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong di sini, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menjelaskan, amalan mendoakan raja adalah manifestasi kecintaan rakyat kepada pemerintahan raja yang adil dan penyayang.

Dengan amalan mendoakan sultan katanya lagi, Negara Brunei Darussalam (NBD) sudah mencerminkan perpaduan rakyat dengan pemerintah.

Malam Munajat tersebut diadakan secara fizikal dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong yang turut dihadiri sama oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan dan warga kementerian-

### Daerah Temburong

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**TEMBURONG**, Sabtu, 19 Julai. - Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan bagi Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sunat Hajat diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini, diikuti dengan bacaan

**PEMANGKU** Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu khas pada Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Doa 'Afiat dan acara Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara.

Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 adalah bagi menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta atas keamanan dan kemakmuran negara, kesefahaman antara raja dan rakyat serta perpaduan semua lapisan masyarakat dalam mendukung usaha-usaha meneruskan pembangunan bagi



mencapai kesejahteraan, kemajuan yang seimbang dan semangat patriotik serta kecintaan rakyat terhadap raja yang dikasihi, serta disemarakkan lagi dalam

suasana memperingati Sambutan Ilal Hijrah 1447.

Di samping terus kekal mengajak masyarakat untuk mengamalkan Munajat secara

istiqamah sebagai langkah menjaga keselamatan diri, keluarga, masyarakat dan negara serta menolak segala musibah dan bencana.

# Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun

## Daerah Belait

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BELAIT**, Sabtu, 19 Julai. - Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 diadakan secara serentak di masjid-masjid utama seluruh negara.

Bagi Daerah Belait, tumpuan acara diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, di sini.

Terlebih dahulu, para tetamu dan jemaah masjid menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti Sembahyang Sunat Ba'diyah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, seterusnya bacaan Doa 'Afiat.

**PEMANGKU** Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu khas pada Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Doa Munajat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan kemudiannya, Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Hadir selaku tetamu khas, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Belait, pegawai dan kakitangan kerajaan, ahli jawatankuasa takmir dan jemaah yang hadir secara fizikal mahupun secara maya dari beberapa buah



masjid termasuk surau dan balai ibadah di seluruh negara dan juga dari rumah-rumah persendirian.

Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 adalah bagi menzahirkan

rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta atas keamanan dan kemakmuran negara, kesefahaman antara raja dan rakyat serta perpaduan semua lapisan masyarakat pada mendukung usaha-usaha meneruskan pembangunan bagi mencapai kesejahteraan dan kemajuan yang seimbang dan

semangat patriotik dan kecintaan rakyat terhadap raja yang dikasihi, serta disemarakkan lagi dalam suasana memperingati Sambutan Ilal Hijrah 1447 di samping terus kekal mengajak masyarakat untuk mengamalkan Munajat secara istiqamah sebagai langkah menjaga keselamatan diri, keluarga, masyarakat dan negara serta menolak segala musibah dan bencana.

## Daerah Tutong

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis ditutup dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Malam Munajat berkenaan antara lain bertujuan bagi menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta atas keamanan dan kemakmuran negara, kesefahaman antara raja dan rakyat serta

perpaduan semua lapisan masyarakat pada mendukung usaha - usaha meneruskan pembangunan bagi mencapai kesejahteraan dan kemajuan yang seimbang dan semangat patriotik dan kecintaan rakyat terhadap raja yang dikasihi.

Selain menyemarakkan lagi dalam suasana memperingati Sambutan Ilal Hijrah 1447 di samping terus kekal mengajak masyarakat untuk mengamalkan munajat secara istiqamah sebagai langkah menjaga keselamatan diri, keluarga, masyarakat dan negara serta menolak segala musibah dan bencana.

**TUTONG**, Sabtu, 19 Julai. - Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 diadakan lewat petang tadi secara serentak

di keempat-empat daerah dengan masjid tumpuan masing-masing.

Di Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, yang dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Ba'diyah

dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, seterusnya bacaan Doa 'Afiat.

Sejurus itu diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Mendoakan Raja' yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, yang disaksikan secara dalam talian dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Acara yang berlangsung atas talian berkenaan diteruskan dengan bacaan Selawat Nur oleh pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Diikuti dengan bacaan Doa Munajat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka

**Kanser Kolorektal**

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

**Penyebab bagi:** 1 dalam 10 lelaki, 1 dalam 5 wanita

**Faktor Risiko**

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

**Langkah Pencegahan**

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

**Tanda-Tanda Kanser Kolorektal**

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>




PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir pada Malam Munajat Ilal Hijrah Senegara di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

# TALIAN KASIH MEMUPUK HUBUNGAN KUKUH ANTARA MASJID SEBORNEO



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok hadir ke program Talian Kasih tersebut (kiri), manakala gambar kanan, program dilaksanakan secara dwibulanan melalui kaedah persidangan video dalam talian.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



Kiarong pada April dan pada kali ini, program yang sama diteruskan lagi di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (Masjid SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang.

Hadir ke program Talian Kasih tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; dan Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Information Centre (IIC) Sarawak, Tazudin Mohtar; Pengerusi Masjid Nurir Rahmani, Kampung Santubong, Safiuddin bin Matsah;

Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis, Madang serta AJK masjid dan surau seluruh Negeri Sarawak.

Antara objektif program tersebut ialah bagi mengeratkan silaturahim dan sokongan berterusan antara masjid-masjid serantau.

Di samping itu, bagi memupuk hubungan yang kukuh untuk saling memanfaatkan kerjasama antara masjid-masjid dan membuka jalan bagi apa-apa usaha dan projek pada masa yang akan datang.

Program tersebut juga dihasrat untuk berkongsi sama maklumat dan ilmu bagi setiap persembagaan atau setiap dua

bulan sekali.

Dengan adanya program tersebut, diharap dapat menjalin Network Cooperation (Jaringan Kerjasama) dalam mempromosi 'Islamic Tourism' (Pelancongan Islam) dengan negara-negara Seborneo.

Pada masa yang sama, menjadi wacana ilmiah dalam menjalin rangkaian persahabatan antara NBD bersama negara-negara yang dijemput.

Program Talian Kasih : Masjid-masjid Seborneo seterusnya akan diadakan pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

**MANGGIS / MADANG, Sabtu, 19 Julai.** - Masjid adalah rumah Allah yang berperanan penting, bukan sahaja sebagai tempat beribadah malah juga untuk pembangunan syiar Islam melalui penyatuan ummah, penyebaran dakwah serta pentadbiran dan pendidikan sebagaimana yang telah dicontohkan sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan itu, bagi memperluas jaringan kerjasama antara masjid-masjid di dalam dan luar negara, khususnya di rantau Borneo, Jabatan Hal Ehwal Masjid

melalui Bahagian Imarah menganjurkan program Talian Kasih : Masjid-masjid Seborneo.

Program tersebut melibatkan penyertaan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) serta pegawai-pegawai masjid dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah dan Sarawak.

Program dilaksanakan secara dwibulanan melalui kaedah persidangan video dalam talian.

Pada Februari lalu, program berkenaan telah diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, diikuti di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung

## Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 dibarigakan



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan**

**>> Muka 1**

Taklimat disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap

(Korporat Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Pemangku Ketua Divisyen

**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Korporat Undang-Undang), Kementerian Pembangunan** bergambar ramai pada Taklimat Pembarigaan Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025.

Guna Tanah, Perumahan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan, Dayang Nuruljannah binti Haji Alim; dan Pegawai Tanah Kanan daripada Jabatan Tanah, Dayang Amal Hayati binti Haji Junaidi.

Pada akhir taklimat tersebut, para pengamal undang-undang berpeluang berinteraksi dengan pihak kementerian, di mana pelbagai isu berkaitan telah dibincangkan dan diketengahkan dengan tujuan untuk memperkukuh tadbir urus tanah secara menyeluruh.

Turut hadir semasa taklimat tersebut adalah Ahli-ahli Jawatankuasa Unit LCAO 2025 dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Tanah.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Korporat Undang-Undang), Kementerian Pembangunan** menyampaikan taklimat (kiri), manakala gambar kiri sekali, antara yang hadir pada taklimat berkenaan.

# MEMBANGUNKAN RANGKA KERJA, DASAR UNDANG-UNDANG BAGI MEMPERKASA OKU



**PENCERAMAH** jemputan dari Malaysia, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Majlis Peguam Mengenai OKU, Yang Berbahagia Datin Anit Kaur Randhawa semasa menyampaikan pembentangannya.

isu-isu utama yang berkaitan dengan hak Orang Kelainan Upaya (OKU) dan mereka yang kurang keupayaan mental di NBD.

Penceramah jemputan dari Malaysia, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Majlis Peguam Mengenai OKU, Yang Berbahagia Datin Anit Kaur Randhawa dan Puan Meera Samanther, berkongsi pandangan yang tidak ternilai daripada pengalaman Malaysia dalam membangunkan rangka kerja dan dasar undang-undang untuk melindungi dan memperkasa OKU.

Pembentangan Datin Anit Kaur Randhawa memfokuskan kepada Akta Kesihatan Mental Malaysia 2001, had perlindungan bagi OKU di luar skopnya, dan alasan Malaysia untuk melaksanakan Akta Keupayaan Mental yang khusus.

Beliau turut mengongsikan cara menangani isu yang berkaitan dengan persetujuan penjagaan kesihatan, akses kepada perkhidmatan kewangan dan

**Siaran Akhbar dan Foto :  
Persatuan Undang-undang Negara Brunei Darussalam**

rangka kerja membuat keputusan yang disokong.

Sementara itu, Meera Samanther pula menekankan isu hak OKU yang lebih luas di Malaysia, termasuk jurang dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008, halangan dalam pendidikan, pekerjaan, penjagaan kesihatan dan akses kepada keadilan.

Beliau juga menekankan kepentingan menangani bukan sahaja kecacatan fizikal tetapi juga halangan persekitaran, institusi dan sikap yang menghalang penyertaan penuh dalam masyarakat.

Manakala, Presiden Persatuan Undang-undang, Awang Haji Muhammad Zainidi bin Haji Abdul Hamid dalam ucapan pembukaannya menyatakan bagaimana kita melindungi hak OKU, dan bagaimana kita menyokong mereka yang mungkin kurang keupayaan mental, mencerminkan watak teras masyarakat kita.

Bagi kebanyakan daripada kita tambahnya, perkataan 'cacat' atau 'keupayaan mental' bukan hanya bahasa dasar atau istilah undang-undang, ia adalah tentang seseorang yang kita sayang, seseorang yang kita ambil berat,

seseorang yang kita bimbang dalam ahli keluarga, rakan sekerja atau rakan dalam komuniti kita sendiri.

NBD telah mengambil langkah penting ke hadapan dengan meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak OKU (CRPD) pada 2016, menggubal Akta OKU, Penggal 234; dan Akta Kesihatan Mental, Bab 257.

Para penceramah dan peserta sebulat suara mengakui bahawa rangka kerja undang-undang memerlukan pelaksanaan, semakan dan penambahbaikan yang berterusan.

Persatuan Undang-undang NBD merakamkan penghargaan yang tulus kepada Jabatan Peguam Negara kerana menyediakan tempat dan kepada semua peserta kerana menyumbang kepada dialog yang bermakna dan membina.

Acara diakhiri dengan seruan untuk kerjasama yang lebih erat dan pertukaran pengetahuan antara NBD dan Malaysia, serta komitmen yang diperbaharui daripada semua pihak berkepentingan untuk berusaha ke arah masyarakat yang lebih inklusif dan berbelas kasihan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Sabtu, 19 Julai. - Persatuan  
Undang-undang Negara Brunei  
Darussalam (NBD), dengan  
kerjasama Majlis Peguam  
Malaysia, telah menganjurkan  
ceramah bertajuk 'Hak Orang  
Kurang Upaya dan Keupayaan  
Mental' pada hari ini bertempat di  
Dewan Jubli Emas, Bangunan  
Undang-undang dan Mahkamah-  
mahkamah, Jalan Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha.

Hadir selaku tetamu Kehormat  
majlis, Setiausaha Tetap

(Kemasyarakatan) Kementerian  
Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Dayang Hajah Nor Ashikin binti  
Haji Johari.

Turut hadir, Ahli Majlis  
Mesyuarat Negara, Yang  
Berhormat Dayang Chong Chin  
Yee.

Acara tersebut menghimpunkan ahli-ahli badan kehakiman, Pejabat Peguam Negara, profesional perundangan, pengamal perubahan, pendidik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ibu bapa, dan ahli keluarga untuk meneroka

# Bersama meningkatkan bekalan darah negara

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

**SALAMBIGAR**, Sabtu, 19 Julai.  
- Boeffi International Sendirian Berhad pagi tadi menganjurkan Kempen Derma Darah yang berlangsung di Ruang Legar, Tingkat 1, OneCity Shopping Centre, di sini.

Kempen tersebut merupakan salah satu inisiatif syarikat tersebut bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai mengenai kepentingan menderma darah secara konsisten demi membantu mereka yang memerlukan.

Kempen ini diadakan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan



**ANTARA** yang hadir menyertai Kempen Derma Darah yang berlangsung di Ruang Legar, Tingkat 1, OneCity Shopping Centre (atas dan bawah kiri).

Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Antara objektif kempen adalah untuk menambah bekalan darah dalam tabung darah, di samping menyokong usaha Pusat Pendermaan Darah dalam memastikan bekalan darah yang selamat dan mencukupi pada setiap masa termasuk ketika berlakunya kecemasan.

Penganjutan kempen tersebut juga diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kebaikan menderma darah, selain menggalakkan penjagaan kesihatan diri melalui gaya hidup sihat serta memupuk sikap keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan bantuan.



## 2 SYARIKAT TEMPATAN DILANTIK LAKSANAKAN PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT

**TUTONG**, Sabtu, 19 Julai. - Majlis Menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Pemotongan Rumput antara Jabatan Daerah Tutong dan dua syarikat tempatan, iaitu Syarikat M.P.M. Telisai Services dan Syarikat Kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Ukong, telah diadakan pagi tadi bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Melalui perjanjian yang ditandatangani, Syarikat M.P.M. Telisai Services dilantik untuk melaksanakan kerja - kerja pemotongan rumput di kawasan Dewan Kemasyarakatan Kampung Bukit Beruang dan Gerai Mukim Telisai bagi tempoh dua tahun.

Sementara itu, Syarikat Kerjasama MPK Ukong pula dilantik untuk menjalankan kerja serupa di kawasan Perumahan Sungai Basong juga bagi tempoh dua tahun.

Kedua-dua syarikat ini merupakan yang

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pertama dalam kalangan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di Daerah Tutong yang diberi kepercayaan oleh Jabatan Daerah Tutong untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan aset jabatan secara kontrak.

Tenaga kerja yang dilibatkan adalah sepenuhnya terdiri daripada anak-anak buah kampung masing-masing, termasuk mereka yang kurang berkemampuan.

Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada perancangan jangka panjang Jabatan Daerah Tutong untuk membuka peluang kepada MPMK menyertai tawaran sebut harga berkaitan pemeliharaan aset jabatan, di samping mempelopori projek perekonomian masyarakat. Ia diharap dapat menyediakan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada penduduk kampung melalui perkhidmatan yang mudah dilaksanakan.

Jabatan Daerah Tutong juga berharap lebih banyak MPMK akan menubuhkan syarikat-syarikat perniagaan dan seterusnya menyertai pelbagai tawaran projek yang disediakan sama ada oleh jabatan ini mahupun agensi-agensi kerajaan yang lain.

Majlis turut diselenggarakan dengan penyampaian sijil insurans perlindungan pekerja sumbangan daripada Syarikat Niagamas Insurance Services Sdn. Bhd., serta penyerahan empat unit mesin pemotong rumput sumbangan Syarikat Artesian Fresh Sdn. Bhd. kepada Pengurus Syarikat Kerjasama MPK Ukong.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim, Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong serta Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Daerah Tutong.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Pemotongan Rumput tersebut (atas dan bawah).




**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**  
**Sila muat turun**  
**PenggunaBijak**

Available on the App Store | Get it on Google play

## Awang Mohammad Riduwan, Dayang Najwa Syukriah Johan Pertandingan Da'ie Belia Masjid Senegara



**TUNGKU LINK**, Sabtu, 19 Julai. - Awang Mohammad Riduwan bin Johari dan Dayang Najwa Syukriah binti Mohammad Amin masing - masing dinobatkan sebagai johan Kategori Belia dan Beliawanis pada Pertandingan Da'ie Belia Masjid Senegara Tahun 2025 yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Pada pertandingan tersebut, Awang Mohammad Riduwan mewakili Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A' menyampaikan tazkirahnya bertajuk 'Syariat Dijunjung, Raja Disanjung, Rakyat Taat, Berkat Bersambung';

manakala Dayang Najwa Syukriah pula mewakili Masjid Kampung Puni, Daerah Temburong dengan menyampaikan tajuk 'Daulat Tuanku, Dari Hati Rakyat Kecil'.

Sementara naib johan Kategori Belia disandang oleh Awang Mohammad Hadi Saifullah bin Abdul Rahim dari Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait dengan tazkirahnya bertajuk 'Bersyukur Mempunyai Raja Beriman'; manakala tempat ketiga diraih oleh Awang Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud, mewakili Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, dengan tazkirahnya bertajuk 'Raja

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima (kiri). Manakala gambar bawah kanan, antara yang menyertai pertandingan tersebut.

Berdaulat Rakyat Berkhidmat'.

Bagi naib johan dan tempat ketiga Kategori Beliawanis pula masing-masing disandang oleh Dayang Norafifah binti Haji Latif, dari Masjid Kampung Pelambayan, Daerah Brunei dan Muara yang menyampaikan tazkirah bertajuk 'Menyemai Kasih dan Makna Raja Berjiwa Rakyat' dan Dayang Nur Zahidah binti Abdul Rahman, mewakili Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, dengan tajuk tazkirahnya 'Kepimpinan Yang Dikasih'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Seramai 19 peserta mengambil bahagian pada pertandingan berkenaan yang mengetengahkan tema 'Raja Berdaulat, Rakyat Kasih dan Taat'.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

Pertandingan anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Belia Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid UBD, dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah-daerah tersebut diadakan bagi memupuk semangat patriotisme (cinta tanah air) dalam kalangan masyarakat sempena memperingati Hari Keputeraan raja yang dikasihi, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan bertujuan menyemai semangat keagamaan yang mendalam dalam jiwa belia, serta melahirkan para da'ie yang berkualiti dan berkaliber.

Di samping menggalakkan masyarakat amnya dan golongan belia khususnya untuk mendekati masjid, pertandingan tersebut juga berperanan mencungkil bakat serta keberanian peserta untuk berucap di hadapan khalayak, di samping mendedahkan mereka kepada teknik penyampaian dakwah yang berkesan.



# سورته سري

## كليهن دان كايستيميوان آية الكرسى

اف يغ دكاتكن اوليهن كفد مو ايت اداله بنر، والوفون دي اداله ساورغ فندوستا. واهاي أبو هريرة! ادكه كامو مغتهوي سيافكه يغ بريجارا دغن كامو سلاما نيك مالم ترسيوت؟" أبو هريرة منجواب: "تيدق". بكنيدا برسيدا: "إيتله شيطان." {حديث رواية إمام بخاري}

سسوغكوهن قيصة اين مميركن فغاجرن فتنيغ تنتغ كليهن دان منفعة مباح آية الكرسى يغ مان بوليه دكوناكن اونتوق كبايكن دان قرليندوغن دغن إذن الله سُبحانه وَتَعَالَى جوا.

جماعه يغ درحمي الله، آية الكرسى ممقويباي بايق كليهن دان كايستيميوان. فركارا اين اد دسبوكن ددالم حديث-حديث رسول الله ﷺ، انتاراه:

فرتام: تيدق اكن ترهالغ اونتوق ماسوكي شرك. درقد أبو أمانة الباهلي ﷺ، بهاوا نبي ﷺ برسيدا: مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ ذُبِرَ كُلِّ صَلاَةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ يَنْتَعِهِ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ، إِلَّا الْمَوْتُ. مقصودن:

"بارغشياف يغ مباح آية الكرسى سلفس ستياف كالي سبهيغ فرض، تيدق اكن ترهالغ باكين اونتوق ماسوكي شرك ملاينكن ماتي." {حديث رواية النسائي}

كلوا: سنتياس برادا دالم قرليندوغن الله سُبحانه وَتَعَالَى. درقد أبي بن كعب ﷺ، نبي ﷺ برسيدا: إِذَا قَرَأْتَ عَزْوَةً أْجُرَتْ مَنَّا حَتَّى تَمْسِيَ، وَإِذَا قَرَأْتَ حِينَ تَمْسِي أْجُرَتْ مَنَّا حَتَّى تُصْبِحَ.

مقصودن: "حك كامو مباحن كتيك وقتو فاكي، مك كامو اكن دليندوغي (اوليه الله دري برباكي كغكون) هيغك كوقتو فتغ. دان حك كامو مباحن كتيك وقتو فتغ، مك كامو اكن دليندوغي (اوليه الله دري برباكي كغكون) هيغك كوقتو فاكي." {حديث رواية حاكم}

إيتله مسلمين يغ درحمي الله، انتارا كليهن دان كايستيميوان آية الكرسى. سسوغكوهن آية الكرسى أمت دكالفكن اونتوق كيت باج باكي مليندوغي ديرى كيت دري فلباكي كجاهتن يغ داتغ دري شيطان، حين دان مأنسي. أخيرن، ماريله كيت سام-سام مباح دان مغمعالكن دالم كهيدوفن كيت سهارين باكي مرايه فهلا دان اونتوق مندافتكن قرليندوغن دان رحمة الله سُبحانه وَتَعَالَى جوا. آمين يا رَبِّ العالمين. تفسيرن:

الله، تياذ توهن (يغ برحق دسميه) ملاينكن دي، يغ تنف هيدوف، يغ ككل سلاما-لامان منتدير (سكاليين مخلوقن). دي تيدق مغتوق دان تيدق جوك تيدور. ميليقن اف يغ اد دلاغيث دان اف يغ اد بومي. تياذ سياف يغ دافت عمري شافعة (فرتولوغن) دسيسين ملاينكن دغن إذن. دي مغتهوي اف يغ اد دهادفن مريك دان اف يغ اد دبلاكنغ مريك سدغ مريك تيدق مغتهوي سسواتو فون درقد علمو الله ملاينكن درقد اف يغ دكهندقين. لواسن كرسى الله مليقوتي لاغيث دان بومي. دان تيدق برت باكين اونتوق مليهارا كدوا-دوان (لاغيث دان بومي). دان دي (الله) يغ مها تيغكي (درجت كموليائين) دان مها بسر (ككواسانن). {سورة البقرة آية: ٢٥٥}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا لَوْتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الْتَّائِبِينَ.

جماعه يغ درحمي الله، تردافت سبواه قيصة مناريك دالم كتاب صحيح بخاري مغنباي آية الكرسى. درقد أبو هريرة ﷺ، اي بركات، رسول الله ﷺ مواكيلكن كفد كو اونتوق منجاك زكاة رمضان. لالو داتغ كفد كو سساورغ دان مبلوغر ماكنن دان مغميلن. اكو ممكفن (منغكفن) دان بركات: "دمي الله! اكو اكن مباوا مو كفد رسول الله ﷺ". دي بركات: "لفسكن اكو، سسوغكوهن اكو اورغ يغ ممرلوكن دان اكو مميلقي تغكوغن كلوارك دان ساعت ممرلوكنن." أبو هريرة بركات: اكو ملفسكنن.

كتيك فاكي هاري، نبي ﷺ برتاه: "واهاي أبو هريرة! افكه يغ دلاكوكن اوليه اورغ يغ أغكاو تغكف مالم تادي؟" اكو بركات: "واهاي رسول الله! دي مغادو كادانن يغ ساعت ممرلوكن دسبيكن اوليه تغكوغن كلواركن، اكو براس كاسيهن كفد دان ملفسكنن." بكنيدا برسيدا: "كنهويله بهاوا سسوغكوهن دي تله بردوستا كفد مو، دان دي اكن كمبالي."

اكو فون مغتهوي دي اكن كمبالي برداسركن سبدا نبي ﷺ بهاوا دي اكن كمبالي. اكو مغاوسين دغن برسوغكوه-سوغكوه. مك، دي داتغ دان مبلوغر ماكنن. اكو ممكفن (منغكفن) دان بركات: "سسوغكوهن اكو اكن مباوا مو كفد رسول الله ﷺ". دي بركات: "لفسكنله اكو! سسوغكوهن اكو اورغ يغ ممرلوكن، اكو مميلقي تغكوغن دان اكو تيدق اكن كمبالي لاي." اكو مراسا كاسيهن كفد دان ملفسكنن.

كتيك فاكي هاري، رسول الله ﷺ برتاه كفد كو: "واهاي أبو هريرة! افكه يغ دلاكوكن اوليه اورغ يغ أغكاو تغكف مالم تادي؟" اكو بركات: "واهاي رسول الله! دي مغادو تنتغ كادانن يغ ساعت ممرلوكن دسبيكن اوليه تغكوغن. اكو مراسا كاسيهن ترهادفن دان ملفسكنن." بكنيدا برسيدا: "كنهويله بهاوا سسوغكوهن دي تله بردوستا كفد مو، دان دي اكن كمبالي."

اكو فون مغاوسين دغن برسوغكوه-سوغكوه اونتوق كالي كتيك. مك، دي داتغ دان مبلوغر ماكنن. اكو ممكفن (منغكفن) دان بركات: "سسوغكوهن اكو اكن مباوا مو كفد رسول الله ﷺ". دان اين كتيك كاليين أغكاو مغاكنن أغكاو تيدق اكن كمبالي، نامون أغكاو تنف كمبالي." دي بركات: "لفسكنله اكو، نسجاي اكو اكن مغاجر كفد مو برفاف كلمية يغ اكن مميري منفعة كفد مو دسيسى الله." اكو منجواب: "افكه كلمه ايت؟" دي بركات: "حك كامو سوده برادا دتقت تيدور كامو، مك باجله آية الكرسى: "اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ" (مقصودن: الله، تياذ توهن (يغ برحق دسميه) ملاينكن دي، يغ تنف هيدوف، يغ ككل سلاما-لامان منتدير (سكاليين مخلوقن). سهيغك أغكاو سلسايكن كاخير آية. سسوغكوهن أغكاو اكن ددمقيغي اوليه ساورغ فتجاك يغ دتوكسكن اوليه الله سُبحانه وَتَعَالَى دان أغكاو جوك تيدق اكن ددكتي اوليه شيطان سهيغكله وقتو فاكي." مك اكو ملفسكنن.

كتيك فاكي هاري، رسول الله ﷺ برتاه كفداكو: "افكه يغ دلاكوكن اوليه اورغ يغ أغكاو تغكف مالم تادي؟" اكو بركات: "واهاي رسول الله! دي مغاكو، دي تله مغاجركو برفاف كلمية يغ الله سُبحانه وَتَعَالَى منجاينكن برمنفعة باكيكو، مك اكو ملفسكنن. بكنيدا برتاه: "افكه ايت؟" اكو بركات: "دي بركات كفد كو بهاوا جك كامو سوده برادا دتقت تيدور كامو، مك باجله آية الكرسى دري أول سهيغك آخير آية: "اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ". دي بركات كفد كو: أغكاو اكن سنتياس ددمقيغي اوليه ساورغ فتجاك يغ دتوكسكن اوليه الله سُبحانه وَتَعَالَى دان أغكاو جوك تيدق اكن ددكتي اوليه شيطان سهيغكله وقتو فاكي. نبي ﷺ برسيدا: ادفون

جماعه يغ درحمي الله، برتقوى له كيت كحضرة الله سُبحانه وَتَعَالَى دغن منيغكنن كلمانن كفد. سسوغكوهن اورغ يغ فاليغ مليا دسيسى الله سُبحانه وَتَعَالَى ايت اباله اورغ يغ فاليغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجاوي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبحانه وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبحانه وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الأنعام آية ١٥٥: تفسيرن:

دان (القرآن) اين اباله كتاب يغ كامى تورونكن (كفد نبي محمد ﷺ يغ ديركتي مك ايكوتله اي دان برتقوى له سوفاي كامو درحمي.

جماعه يغ درحمي الله، القرآن مروفاكن كلام الله يغ دتورونكن ملالوي فرانتران ملائكة جبريل عَلَيْهِ السَّلَام كفد نبي محمد ﷺ. القرآن مغاندوغي فغاجرن اونتوق ستياف أسقيك كهيدوفن. اي بوكن ساج مينتوه فركارا كروحانين دان اخيرة، بهكن اي جوك كاي دغن فلباكي خزانه علمو ديناوي.

سسوغكوهن القرآن برفران سباكاي جهاي فتونوق دالم منمقوهي كهيدوفن ددنيا، ملالوين كيت دافت ممبذاكن انتارا فركارا يغ حق دان يغ باطل. القرآن جوك مباوا رحمة كفد مأنسي، منجاوي فناور كفد فباكيت روحاني دان جسماني، منجاوي فراتورن دالم كهيدوفن سرتا ممبتتوق أخلاق يغ مليا. الله سُبحانه وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الإسراء آية ٨٢:

تفسيرن: دان كامى منورونكن درقد القرآن سواتو فناور (باكي فباكيت روحاني دان جسماني) دان رحمة باكي اورغ-اورغ يغ برلمان، دان القرآن ايت تيدقله منمبه كفد اورغ-اورغ يغ ظالم (اورغ-اورغ كافر) سلاين كروكين.

إيتله كموليائ القرآن، بوكن ساج مميري منفعة كفد كيت ددنيا بهكن جوك داخيرة سباكيان حديث يغ درواينكن اوليه امام مسلم، درقد أبو أمامة الباهلي ﷺ، بهاوا نبي ﷺ برسيدا: اقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ.

مقصودن: باجله القرآن. سسوغكوهن اي اكن داتغ فد هاري قيامة سباكاي قميري شفاعة كفد قباحن.

جماعه يغ درحمي الله، ددالم القرآن الكريم يايث دالم سورة البقرة، اد آية يغ دنامكن سباكاي آية الكرسى. رسول الله ﷺ مبيوتكن دالم حديث بكنيدا بهاوا آية الكرسى مروفاكن آية يغ فاليغ أكوغ ددالم كتاب الله. درقد أبي بن كعب ﷺ، كاتن: رسول الله ﷺ برتاه كفد كو: يَا أَبَا الْمُثَنَّى، أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ؟ قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: يَا أَبَا الْمُثَنَّى أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ؟ قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ. قَالَ: فَضَرَبَ فِي صَدْرِي، وَقَالَ: وَاللَّهِ لِيَهَبِكَ الْعِلْمَ أَبَا الْمُثَنَّى. مقصودن:

"واهاي أبو المثنى، ادكه كامو تاهو افكه آية دالم كتاب الله يغ برسام كامو، يغ فاليغ أكوغ؟" اكو (أبي) منجواب: "الله دان رسولن يغ ليه مغتهري." سبدا بكنيدا: "واهاي أبو المثنى، ادكه كامو تاهو، افكه آية دالم كتاب الله يغ برسام كامو، يغ فاليغ أكوغ؟" اكو بركات: "الله لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ." لالو بكنيدا متفوك دادا كو، دان برسيدا: "سموك دفرمودهكن علمو باكيكو، أبو المثنى."

# TUNAIKANLAH ZAKAT DEMI KESEJAHTERAAN HIDUP DUNIA, AKHIRAT

**Siaran Akhbar : Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Julai. – Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah At-Taubah ayat 103 : "Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka".

Menunaikan zakat adalah satu tanggungjawab keagamaan yang wajib dipenuhi oleh setiap orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya. Oleh itu, umat Islam di negara ini adalah diseru agar mengambil peluang pahala berlipat ganda untuk menunaikan zakat secara ikhlas dan penuh keimanan demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Zakat merupakan salah satu daripada lima Rukun Islam yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Zakat bermaksud mengeluarkan sebahagian harta yang tertentu dan diberikan kepada golongan yang

berhak menerimanya seperti yang telah ditetapkan dalam syariat Islam.

Terdapat dua jenis zakat, iaitu Zakat Fitrah - Makanan yang tertentu jenisnya dan sukatan yang wajib dikeluarkan pada Hari Raya Puasa oleh setiap orang Islam yang mempunyai makanan bagi dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya untuk siang dan malam Hari Raya; dan Zakat Harta - Meliputi emas dan perak serta wang simpanan, harta Rikaz, semua jenis perniagaan, tanam-tanaman dan binatang-binatang ternakan.

Hukum menunaikan zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang memiliki harta tertentu mengikut syarat-syarat wajib zakat iaitu beragama Islam, hak milik yang sempurna, cukup nisab dan cukup haul.

Gagal atau sengaja tidak menunaikan zakat tanpa sebab yang sah adalah berdosa dan merupakan perbuatan yang dimurkai Allah Subhanahu

Wata'ala sepertimana yang disebutkan dalam Al-Quran, Surah At-Taubah, ayat 34-35 yang bermaksud :

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak (yang tidak dikeluarkan zakatnya) dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka gembirakanlah mereka dengan azab yang pedih. (Iaitu pada hari dibakar emas dan perak serta harta benda itu dalam neraka Jahannam lalu diseterika (dibakar) dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang kamu telah simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasailah (balasan azab daripada) apa yang kamu simpan (dengan tidak membayar zakatnya) itu".

Sebaliknya, kelebihan dan ganjaran bagi mereka yang menunaikan zakat adalah banyak antaranya dapat membersihkan dan mensucikan harta serta jiwa; mendapatkan keberkatan dan rezeki yang berlipat ganda; menolong golongan fakir miskin dan asnaf sekali gus memperkukuhkan perpaduan dan

kesejahteraan masyarakat; serta menjadi asbab masuk syurga dan mendapat keampunan Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai yang hendak menunaikan Zakat Harta, bolehlah datang ke tempat-tempat berikut: Kaunter Kutipan Zakat, Aras Bawah, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB) di

bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama; cawangan-cawangan kaunter Zakat JUZWAB di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong; amil-amil, institusi kewangan dan perbankan serta penyedia perkhidmatan yang telah dilantik menjadi amil di seluruh negara.

**MENUNAIKAN zakat adalah satu tanggungjawab keagamaan yang wajib dipenuhi oleh setiap orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya. Oleh itu, umat Islam di negara ini adalah diseru agar mengambil peluang pahala berlipat ganda untuk menunaikan zakat secara ikhlas dan penuh keimanan demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.**

**Zakat merupakan salah satu daripada lima Rukun Islam yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Zakat bermaksud mengeluarkan sebahagian harta yang tertentu dan diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya seperti yang telah ditetapkan dalam syariat Islam.**

## Rehlah Santai : Menyampaikan mesej Islam melalui pendekatan berhemah

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Julai. - Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI) mengadakan Program Rehlah Santai bersama orang bukan Muslim dan para muallaf Daerah Tutong sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447.

Program tersebut merupakan lawatan ilmiah ke beberapa tempat bersejarah dan Islamik di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bertujuan untuk memperkenalkan para peserta kepada warisan Islam, sejarah perkembangan agama Islam di negara ini serta prinsip-prinsip ajarannya secara lebih mendalam.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memupuk hubungan yang erat antara peserta tanpa mengira latar belakang agama dan budaya, serta menyampaikan mesej Islam melalui pendekatan yang berhemah dan penuh hikmah.

Ketua Rombongan bagi program tersebut ialah Ketua Unit Da'wah Daerah Tutong, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir.

Seramai 30 peserta terdiri daripada orang bukan Muslim, para muallaf serta pegawai dan

kakitangan Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

Lawatan dimulakan dengan pergerakan rombongan dari Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dan para peserta berpeluang menyelusuri sejarah dan peninggalan berkaitan Islam termasuk artifak, manuskrip serta pameran digital interaktif yang memaparkan kebesaran dan perkembangan agama Islam di rantau ini.

Rombongan kemudian meneruskan lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien, sebuah mercu tanda Islam yang tersohor bukan sahaja di NBD, malah di peringkat antarabangsa.

Para peserta diberikan penerangan mengenai seni bina masjid, peranan institusi masjid dalam masyarakat Islam serta nilai-nilai murni yang diterapkan melalui ajaran Islam.

Program Rehlah Santai turut menyediakan ruang interaksi dan pertukaran pandangan antara peserta dalam suasana yang harmoni dan mesra, tanpa mengira latar belakang agama dan

**PROGRAM Rehlah Santai** merupakan lawatan ilmiah ke beberapa tempat bersejarah dan Islamik di Negara Brunei Darussalam (kanan dan bawah kiri).

budaya.

Usaha ini sekali gus dapat mengeratkan silaturahmi antara komuniti Muslim dan orang bukan Muslim serta menjadi platform memperkasa pendekatan dakwah secara bijaksana dan strategik.

Program tersebut merupakan antara inisiatif dalam usaha menyemarakkan syiar Islam serta mendedahkan ajaran agama Islam secara positif kepada orang bukan Muslim di NBD.



## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Media Sosial : Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'. Tarikh Tutup : 23 Julai 2025
2. 'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'. Tarikh Tutup : 30 Julai 2025
3. 'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'. Tarikh Tutup : 6 Ogos 2025

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi  
BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# ABDUL KHALIQ QUSYAIRI JOHAN PERTANDINGAN TARHIM SUBUH



■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**TUTONG**, Sabtu, 19 Julai. - Tutong dan Bahagian Imarah, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah

Kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Daerah Tutong telah mengadakan Pertandingan Tarhim

**PEGAWAI** Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Mohd. Aidil Sufian bin Mohd. Yassin hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada penerima.

Pertandingan ini juga dihasrat dapat mengeratkan lagi silaturahmi kepada para peserta dari masjid Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Mohd. Aidil Sufian bin Mohd. Yassin.

Subuh Bagi Bilal, Merbut dan Pelapis Bilal Masjid dari Daerah Tutong.

Pertandingan berlangsung di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, di sini.

Antara tujuan pertandingan tersebut diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Pegawai Masjid khususnya Bilal dan Merbut dalam mempersembahkan bacaan Tarhim dengan cara yang baik dan sempurna.

Selain untuk meningkatkan lagi kualiti pembacaan Bilal dan Pelapis Bilal ke tahap yang lebih baik, ia juga dijadikan sebagai rancangan tahunan bagi Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong.

Pertandingan dijuarai oleh Awang Abdul Khaliq Qusyairi bin Ahmad dari Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang, manakala tempat kedua disandang oleh Awang Muhd. Jilimi bin Muhd. Solihen dari Masjid Kampung Bukit, sementara tempat ketiga jatuh kepada Awang Muhammad Nurhafizan@Nur Syaizan bin Saban dari Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal.

Semoga dengan adanya pertandingan seumpama ini akan dapat memupuk semangat keislaman, keimanan dan mengukuhkan kesatuan Islamiah di kalangan para jemaah dan masyarakat sekeliling sekali gus dapat mengimarahkan lagi masjid.

## Operasi Tokek berjaya patahkan sindiket pengedaran dadah

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik**



**ANTARA** yang dirampas semasa Operasi Tokek dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik.

membawa masuk dadah terkawal. Sementara, empat orang tahanan akan disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar.

Kumpulan pengedaran dadah tersebut didalangi oleh seorang warga tempatan berumur 27 tahun yang mempunyai beberapa orang suruhan untuk membantu menjalankan penyeludupan dan pengedaran dadah, termasuk golongan di bawah umur.

Antara yang terlibat dalam rangkaian tersebut ialah satu keluarga yang mempunyai peranan yang berbeza.

Siasatan juga mendapati bahawa sebahagian daripada mereka telah menyalahgunakan Elaun Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) yang diterima sebagai modal dalam kegiatan jual beli dan pengedaran dadah.

Kumpulan tersebut juga diketahui mengutamakan pelanggan dalam kalangan warga asing bagi mengaburi kegiatan mereka.

Operasi tersebut merupakan usaha berterusan BKN dalam pembasmian kegiatan jenayah di kawasan Jalan Nenas Sanggol yang dikenal pasti sebagai salah satu *hotspot* penyalahgunaan dan pengedaran dadah serta kegiatan jenayah lainnya.

Dengan ini, BKN ingin menegaskan bahawa pihaknya akan sentiasa menjalankan tugas-tugas pembanteras dadah dan menyasarkan kepada pengedar dadah yang terus menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 Julai. - Operasi Tokek yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) bermula 29 Jun 2025 hingga 14 Julai 2025 telah menahan 35 orang tangkapan dalam lingkungan umur 17 hingga 59 tahun kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Operasi tersebut menahan 25 warga tempatan, sembilan penduduk tetap dan seorang warga asing di lokasi yang berasingan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait.

Majoriti tangkapan telah ditahan di Jalan Nenas Sanggol, Kampung Katok.


Hasil daripada operasi tersebut telah merampas empat jenis dadah terkawal, iaitu 38.67 gram (g)

Syabu; 9.2g Ganja; 0.69g Ecstasy dan 0.27g Erimin 5.

Turut dirampas ialah wang tunai dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah berjumlah BND1,156 dan SGD2, sebuah kenderaan dipercayai hasil daripada kegiatan pengedaran dadah, peralatan untuk membungkus (*packing*) dadah seperti gunting, paket lutsinar kecil dan alat timbangan digital, dan alat perkakas untuk menyalahgunakan dadah.

Manakala, dua orang tangkapan telah ditahan di Pos Kawalan Sungai Tujoh, Daerah Belait kerana didapati menyeludup dadah masuk ke negara ini.

Mereka akan disiasat di bawah Seksyen 5, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan





### KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

#### Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

10 / JUNE / 2025 / KKBS / PJK / 16.43(R)  
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For Outward Bound Brunei Darussalam (Obbd) Temburong, Brunei Darussalam (Requotation)  
1) Batang Duri Camp  
2) Belalong Camp (Kelas I)

#### Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

17 / JULY / 2025 / KKBS / PJK / 16.22  
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For  
1. Pusat Pembangunan Belia; &  
2. Outward Bound Brunei Darussalam Main Office (Kelas I, II & III)

**Yuran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
7 Ogos 2025,  
Jam 2.00 Petang



### DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

#### Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

17 / DBP / SH / 2025-2026  
Pengubahsuaian Dan Penaiktarafan Bilik Pejabat Pemasaran,  
Dewan Bahasa Dan Pustaka,  
Lapangan Terbang Lama Berakas

**Yuran:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Isnin,  
4 Ogos 2025,  
Jam 2.00 Petang



### JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDBM / QSTOR / 004 / 2025  
Membekalkan Baju Hujan Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDBM / QSTOR / 005 / 2025  
Membekalkan Batang Bendera Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDBM / QSTOR / 007 / 2025  
Membekal, Memperbaiki PA Sistem Bagi Kegunaan Pentas Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JDBM / QSTOR / 006 / 2025  
Membekalkan Kamera Bagi Kegunaan Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran:**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 5 Ogos 2025,  
Jam 2.00 Petang



### JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

#### Iklan Tarikh Lanjutan

**Tawaran:**  
JPH / 2113 / TAW / 398 / 2025-2026  
Event Management Services For Ekspo Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan 2025

**Isnin – Khamis**  
8.30 Pagi – 11.30 Pagi  
1.30 Petang – 2.30 Petang

**Sabtu**  
8.30 Pagi – 10.00 Pagi

Borang Pendaftaran Syarikat



### JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan dan Tajuk Tawaran (1) :**  
JBS / ADM / TDR / 10 / 2025  
Supply and Delivery of Granular Nisso Chlon 65% Calcium Hypochloride (65% Dry Chlorine) or Equivalent for JBS Swimming Pool Complexes Contract Period of One (1) Year, Ministry of Culture, Youth and Sports, Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00

**Tarikh Tutup:**  
5 Ogos 2025

**Bilangan dan Tajuk Tawaran (2) :**  
JBS / ADM / TDR / 11 / 2025  
Tawaran Iklan Restoran Kompleks Sukan Air Pantai Serasa, Muara

#### Dialamatkan kepada:

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan  
Tingkat 1, (Ruang masuk/ penyambut Tetamu)  
Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
Bandar Seri Begawan BA1211  
Negara Brunei Darussalam

Peti Tawaran (Berwarna Biru)

**Tarikh Tutup:**  
Seperti yang dinyatakan dalam keterangan

**Jam:**  
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Cagaran :**  
Bilangan 1 : BND30.00 setiap dokumen  
Bilangan 2 : BND10.00 setiap dokumen

**Tarikh Tutup:**  
19 Ogos 2025



**(jika belum berdaftar):**  
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Borang Tawaran:**  
BND15.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
26 Ogos 2025.

**Sesi Taklimat:**  
Selasa,  
9 Ogos 2025, 9.00 Pagi.

**Tempat:**  
Bilik Mesyuarat Rimbawan,  
Tingkat 2,  
Jabatan Perhutanan,  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



### KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / DITU / TA / 02  
Pembelian 'Uninterrupted Power Supply (UPS) And Power Conditioning System' Untuk Bangunan BDRC, Tutong Kem

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 12 Ogos 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa  
9 Ogos 2025  
Jam 2.00 Petang



#### Sebut Harga bagi Perkhidmatan / Pembekalan:

**Bilangan dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
JKBD / 2025 / SH-14  
Two (2) Years Contract For Inspection And Maintenance Of Fire Alarm System For The Headquarter Of Brunei Darussalam Meteorological Department And Doppler Weather Surveillance Radar

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
13 Ogos 2025  
sebelum 9.00 Pagi

**Kepada:**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam  
Tingkat 1, Blok B23, Flat Anggerek Desa,  
Simpang 32-37,  
Kampung Anggerek Desa,  
Mukim Berakas, BB3713  
Negara Brunei Darussalam



**Rujukan Bilangan dan Tajuk  
Tawaran:**  
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / IL / 001

[JPPK / LTN / 09 / 2024]  
Proposed Construction Of 50 Metre Outdoor Shooting Range & Associated Works At Special Force Regiment, Penanjong Garrison

**Tarikh Mula Tawaran:**  
21 Julai 2025

**Kelas:**  
IV dan ke Atas

**Kategori:**  
KA01, B01 And / Or M01, E01  
E02, KPB03 dan KPB04

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Dua Belas (12) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Jumaat, 22 Ogos 2025**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa  
26 Ogos 2025  
Jam 2.00 Petang



### JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
13 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**  
Supply And Install Solar Flood Light At Taman Jubli Perak, Jalan Maulana Kuala Belait.

**Yuran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
29 Julai 2025,  
Jam 2.00 Petang





**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai  
Penghulu Mukim Tingkat III -  
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)**

**Bagi**

**Daerah Tutong**

**Mukim Rambai**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai **Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.**

**Tatacara Menghadapkan Borang  
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan  
Kampung  
Jabatan Daerah Tutong  
Kementerian Hal Ehwal Dalam  
Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 16 Ogos 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 4222491 Ext. 110 / 111** atau alamat E-mel kepada **imk.jdt@tutong.gov.bn**



**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I  
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)  
Ketua Kampung Tingkat II  
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)  
Ketua Kampung Tingkat III  
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

**bagi**

**Daerah Tutong**

**Kampung Petani, Mukim Pekan  
Tutong Kampung Merimbun,  
Mukim Rambai Rancangan  
Perumahan Negara Bukit  
Beruang Kawasan 2, Mukim  
Telisai Rancangan Perumahan  
Negara Bukit Beruang Kawasan  
4, Mukim Telisai**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai **Ketua-Ketua Kampung.**

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan  
Kampung Jabatan Daerah  
Tutong Kementerian Hal Ehwal  
Dalam Negeri Negara Brunei  
Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 16 Ogos 2025 jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+6734222491 Ext. 110 / 111** atau alamat E-mel kepada **imk.jdt@tutong.gov.bn**



**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
12 Ogos 2025.  
2.00 Petang.



**JABATAN KAJICUACA  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga bagi  
Perkhidmatan / Pembekalan:**

**Bilangan dan Tajuk Sebut  
Harga:**

**JKBD / 2025 / SH-12**  
Kontrak Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Tapak Stesen-Stesen Kajicuaca, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
6 Ogos 2025  
sebelum 9.00 Pagi

**Kepada:**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Kajicuaca Brunei  
Darussalam  
Tingkat 1, Blok B23, Flat Anggerek Desa, Simpang 32-37, Kampong Anggerek Desa, Mukim Berakas, BB3713 Negara Brunei Darussalam



**KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN AGAMA SERI  
BEGAWAN**

**1. Bilangan Tawaran:**  
KUPU SB / LTK / PE / 01 - 04 / 202502026  
12 Months Term Contract For Janitorial Cleaning / Housekeeping Works At Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan

**2. Bilangan Tawaran:**  
KUPU SB / LTK / PE / 01 - 07 / 202502026  
To Supply, Install, Testing, Commissioning Of New Air-Conditioning Units At Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 11 Safar 1447H / 5 Ogos 2025M.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
JPKK / LTN2526 / T01-FSS  
The Leasing of Photocopiers for The Government of Brunei Darussalam, Treasury Department, Ministry of Finance and Economy

**Tarikh Tutup / Jam :**  
29 Julai 2025  
Selasa  
(2.00 Petang)

**Tempat Menghantar  
Tawaran:**  
Peti Tawaran,  
Lembaga Tawaran Kecil  
Tingkat 1,  
Bangunan Kementerian  
Kewangan  
Commonwealth Drive, Jalan  
Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA  
MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
(72) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Kerja-Kerja Pembersihan Lantai Di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

**Bilangan Dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
(73) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Kerja-Kerja Penyelenggaraan Atap Di Bangunan Asal, Jabatan Penerangan

**Yuran:**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 24 Julai 2025,  
Jam 8.00 Pagi



**PERATURAN  
PENGIKLAMAN  
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 02  
Pembelian Alat-Alat Kelengkapan Bagi Keperluan Pasukan Khas Tentera Udara Diraja Brunei (PASKTU)

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 5 Ogos 2025.**



**Bilangan Sebut Harga:**  
01 / KKBS / HK42 -2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekal Dan Menghantar Bendera Bagi Acara Menaikkan Bendera Besar Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-42, Tahun 2026

**Tarikh Tutup:**  
Khamis, 31 Julai 2025.



**Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Sebut Harga:**  
07 / 2025 / KKBS / PPB / 06

**Tajuk Sebut Harga :**  
Terms Contract 12 Months To Supply, Delivery And Commissioning Of Materials For Plumbing Course At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports.

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
24 Julai 2025.



**Bilangan dan Tajuk Tawaran**  
To Supply And Repair Of Components At Sweeper Truck BG 4903, Department Of Civil Aviation.  
AME / 2025-2026 / SH-40

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**  
To Repair Rear Bucket For Pick Up BG 8842, Department Of Civil Aviation  
AME / 2025-2026 / SH-41

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**  
General Servicing For Aircraft Recovery Equipment (ARE)  
AME / 2025-2026 / SH-42

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
16 Julai 2025. Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
5 Ogos 2025. Selasa.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
6 Ogos 2025. Rabu.

**Kepada:**  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



**Dibukakan Kepada Pemorong-Pemorong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Buka Tawaran pada:**  
16 Julai 2025.  
Rabu.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
12 Ogos 2025.  
Selasa.

**Tarikh Tutup Pada:**  
21 Oktober 2025.  
Selasa,  
Sebelum Jam 2.00 Petang.

**JASTRE / BKP / RFP / 01/ 2025**  
Invest, Design, Develop And Operate Waste To Energy Facility In Brunei Darussalam.

**No. Projek:**  
JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Non Refundable)



**Dibukakan Kepada Pemorong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
V Sahaja

**Kategori:**  
KA01 & M03

**Tarikh Tutup:**  
26 Ogos 2025, Selasa.  
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DBSKB / 007 / 2025 - Retender

**Nama Projek:**  
Pengaliran Air-Membina Stesen Pam Di Saluran Keluar (Outfalls), Jalan Maulana, Kuala Belait (Design And Build) - Retender

**No. Projek:**  
DDS 1215-013 / ADBT - 01

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



**Keterangan Projek:**  
Three (3) Years Term Contract For Grass Cutting & Desilting And Cleaning Concrete Drains At Kuala Belait & Seria Municipal Area

Dibukakan kepada pemorong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**  
BBS / TOC / GCDCCD(2) / 2025 – 2028

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 29 Julai 2025.



**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemorong-Pemorong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
IV atau V

**Kategori:**  
E01 & E02

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**  
29 Julai 2025.  
(Selasa)  
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup:**  
12 Ogos 2025.  
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BP / 25 / 2025

**Nama Projek:**  
Membekal Dan Memasang Lampu 'High Bay' Bagi Venue Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Kali Ke 14, 2025 Brunei Darussalam, Dewan Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)



**Dibukakan Kepada Pemorong-Pemorong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**  
IV, V & VI

**Kategori:**  
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
29 Julai 2025.

**Yuran Tawaran:**  
BND5000.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 18 / BKTGS / 2025-T / V

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Membaikpulih Tanah Susur Di Jalan Keluar Padang Tembak PPDB Sg Akar, Jalan Utama Mentiri

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
12 Ogos 2025.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



## IKLAN TAWARAN

**Bilangan Tawaran:**  
KKBS/PBS/S/9.28

**INVITATION FOR RESEARCH AND REVIEW ON BRUNEI DARUSSALAM SPORTS DEVELOPMENT INDEX (SDI) MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH BUKA:**  
19hb Julai 2025

**TARIKH TUTUP:**  
19hb Ogos 2025,  
2:00 Petang

**TARIKH TERAKHIR MENDAPATKAN DOKUMEN:**  
18hb Ogos 2025, 11:00 Pagi

**YURAN:**  
\$30.00





**DA / JKSH / 55 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

BM Zon 1 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara Bagi : Flat Kelas 'F' Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (1.00 Ekar)  
Jalan Menuju Flat Dan Banglo Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (0.50 Ekar)  
Jalan Menuju Flat-Flat Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' PWD 605A Dan PWD 605B Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar (1.00 Ekar)  
Jumlah Ekar 5.50 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan.

**DA / JKSH / 56 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

BM Zon 2 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara Bagi : Flat Kelas 'F' Blok 'A', Blok 'B' Dan Blok 'C' Sekolah Rendah Delima Satu (1.00 Ekar)  
Banglo Kelas 'B' IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Blok '10' Dan Blok '11' IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal (1.00 Ekar)  
Barek Kelas 'G' Blok '8' Dan Blok '9' IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal (1.50 Ekar)  
Jumlah Ekar 4.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 57 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

BM Zon 3 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara Bagi : Tapak Bekas Banglo Kelas 'C' Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Blok '1' Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Blok '2', Blok '3', Blok '4', Blok '5', Blok '6' Dan Blok '7' Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (2.00 Ekar)  
Jalan Menuju Banglo-Banglo Kawasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (1.00 Ekar)  
Tapak Bekas Banglo Kelas 'E' Ex-Detention Camp House Berakas (1.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Blok 'A' Dan Blok 'B' Sekolah Rendah Anggerek Desa (0.50 Ekar)  
Tapak Bekas Perumahan Kawasan Sekolah Rendah Anggerek Desa (4.00 Ekar)  
Jumlah Ekar 10.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 58 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

BM Zon 4 Sebut Harga Bagi

Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara Bagi : Flat Kelas 'E' Sekolah Rendah Dato Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Blok 'C12' Dan Blok 'C13' Kampong Kiarong (2.00 Ekar)  
Jalan Menuju Flat Kelas 'C' Blok 'C12' Dan Blok 'C13' Kampong Kiarong 2.00 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Blok 'A' Dan Blok 'B' Kampong Beribi (2.00 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Blok 'EF18', Blok 'EF19', Blok 'EF20', Blok 'EF21' Dan Blok 'EF22' Perumahan Beribi (2.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Blok 'EF25', Blok 'EF26' Dan Blok 'EF27' Perumahan Beribi (2.00 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Blok 'F11' Perumahan Beribi (0.50 Ekar)  
Tasek Apartment Blok 'A' Dan Blok 'B' Jalan Tasek Lama (1.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Blok '5' Dan Blok '6' Jalan Ong Sum Ping (1.00 Ekar)  
Jumlah Ekar 13.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 59 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

BM Zon 5 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara Bagi : Flat Kelas 'B' JKR 1002 Maktab Duli Pg Muda Al Muhtadee Billah (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'B' Blok 'B2' Maktab Duli Pg Muda Al Muhtadee Billah (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Blok 'C4' Dan Blok 'C5' Maktab Duli Pg Muda Al Muhtadee Billah (1.00 Ekar)  
Flat Pejabat Jabatan Pendidikan Khas (1.00 Ekar)  
Barek Kelas 'G' Blok 'A' Dan Blok 'B' Maktab Duli Pg Muda Al Muhtadee Billah (1.50 Ekar)  
Jumlah Ekar 5.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 60 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

BM Zon 6 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara Bagi : Rumah Guru Kelas 'E' No. '263' JKR 771 Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '740B' Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Sekolah Rendah Bengkurong (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Blok 'F1' Dan Blok 'F2' Sekolah Menengah Awang Semaun (1.50 Ekar)  
Jumlah Ekar 3.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 61 / 2025/ 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

BM Zon 7 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara Bagi : Rumah Guru Kelas 'F' No. '1' Dan No. '2' Sekolah Rendah Katimahar (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Sekolah Menengah Sayyidina Husain (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Sekolah Menengah Sayyidina Husain (0.50 Ekar)  
Jalan Menuju Flat-Flat Sekolah

Menengah Sayyidina Husain (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'E' PWD 1755 Sekolah Rendah Panglima Berudin Limau Manis (2.00 Ekar)  
Jumlah Ekar 5.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 62 / 2025/2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

TU Zon 1 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong Bagi : Flat Kelas 'F' Blok 'F1 JKR 472 Dan Blok 'F2' JKR 471 Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (1.00 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '5B' JKR 137 Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja Kupang (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'G' JKR 174A, JKR 174B Dan JKR 174C Sekolah Rendah Bekiau (1.00 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '139A' Dan No. '139B' PWD 153 Sekolah Rendah Kiudang (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'F' JKR 388 Sekolah Rendah Kiudang (1.00 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '60A' Dan No. '60B' PWD 147 Sekolah Rendah Birau (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '14A' Dan '14B' PWD 148 Sekolah Rendah Birau (0.50 Ekar)  
Jumlah Ekar 5.50 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 63 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

TU Zon 2 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong Bagi : Flat Kelas 'C' PWD 65, Kawasan Sungai Besar Tutong (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' PWD 311 Dan PWD 312, Kawasan Sungai Besar Tutong (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'F' PWD 305, PWD 306, PWD 307, PWD 308, PWD 309 Dan PWD 310, Kawasan Sungai Besar Tutong (3.00 Ekar)  
Jumlah Ekar 4.50 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 64 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

TU Zon 3 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong Bagi : Flat Kelas 'F' JKR 398, JKR 399 Dan JKR 400 Sekolah Rendah Tumpuan Telisai (1.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '60A' Dan No. '60B' JKR 204 Sekolah Rendah Danau (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' PWD 547 Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' PWD 548 Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' PWD 67, PWD 68 Dan PWD 69 Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (1.50 Ekar)  
Barek Kelas 'G' PWD 75 Kawasan Sungai Basong (1.00 Ekar)  
Banglo Kelas 'E' PWD 313 Sekolah Rendah Sengkarai (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' PWD 314, PWD 315, PWD 316, PWD 317, PWD 318 Dan PWD 319 Sekolah Rendah Sengkarai (3.00 Ekar)  
Jumlah Ekar 9.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 65 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

TU Zon 4 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong Bagi : Flat Kelas 'E' PWD 800 Sekolah Rendah Lamunin (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '70A' Dan No. '70B' JKR 179 Sekolah Rendah Tanjong Maya (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '71A' Dan '71B' JKR 180 Sekolah Rendah Tanjong Maya (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' PWD 417 Sekolah Rendah Tanjong Maya (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '1277A' Dan No. '1277B' PWD 130 Sekolah Rendah Sinaut (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' PWD 452 Sekolah Rendah Sinaut (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' PWD 453 Sekolah Rendah Sinaut (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' No. '2A' JKR 120 Sekolah Rendah Keriam (0.50 Ekar)  
Jumlah Ekar 4.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 66 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

KB Zon 1 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Belait Bagi : Flat Kelas 'C' Blok '280' Dan Blok '281' Lorong Satu Jalan Pangsa Seria (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'F' PWD 65 Kawasan Sekolah Rendah Lumut (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' JKR 69 Jalan Raja Isteri (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' JKR 51 Jalan Raja Isteri (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' PWD 59 Sekolah Rendah Sungai Liang (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'G' JKR 13B Sekolah Rendah Sungai Liang (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Blok '654' Kawasan Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pg Hj Abu Bakar (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Blok '655' Kawasan Sekolah Menengah Pegiran Jaya Negara Pg Hj Abu Bakar (1.00 Ekar)  
Jumlah Ekar 5.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 67 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

KB Zon 2 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Belait Bagi : Barek Kelas 'G' JKR 379 Dan JKR 380 Jalan Kerma Negara (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Blok '413' Jalan Setia Negara (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Blok '458' Dan Blok '459' Kawasan Sekolah Menengah Perdana Wazir (1.00 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Blok '370', Blok '371' Dan Blok '372' Kawasan Sekolah Menengah Perdana Wazir (1.50 Ekar)  
Flat Kelas 'F' Blok '553' Sekolah Rendah Sungai Teraban (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'C' Blok '417' Kawasan IBTE Kampus Jefri Bolkiah (0.50 Ekar)  
Flat Kelas 'E' Blok '343' Kawasan Sekolah Rendah Panaga (0.50 Ekar)  
8. Flat Kelas 'F' Blok '344' Kawasan Sekolah Rendah Panaga (0.50 Ekar)  
Jumlah Ekar 6.00 Ekar

Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**DA / JKSH / 68 / 2025 / 2026  
[UPPK-JULAI-2025]**

TEMB Zon 1 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kebersihan Kawasan Bagi Perumahan Kerajaan Dibawah Kawalan Kementerian Pendidikan, Daerah Temburong Bagi : Flat Kelas 'E' Blok 'A', Blok 'B' Dan Blok 'C' Flat Guru-Guru Pekan Bangar (4.00 Ekar)  
Flat Kelas 'C' PWD 250 Flat Guru-Guru Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' PWD 716A Dan PWD 716B Sekolah Rendah Bokok (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'G' No. '105A' Dan No. '105B' Sekolah Rendah Bokok (0.50 Ekar)  
Rumah Guru Kelas 'F' PWD 173A Dan PWD 173B Sekolah Rendah Amo (0.50 Ekar)  
Jumlah Ekar 6.00 Ekar  
Bagi Tempoh 24 (Dua Puluh Empat) Bulan

**Yuran:**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Sabtu, 2 Ogos 2025,  
Jam 2.00 Petang



**Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.  
BCY / CP / 309 / 2015**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Mohammad Zul Khuzaini Bin Haji Mohd Alias (Allahyarham) (BYIC NO: 00-279241) Alamat – No. 7 B, Spg. 83-8, Jalan 101, Perpindahan Lambak Kanan, Berakas BC2515, Mengkubau, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 309 Tahun 2015 Banyaknya Bagi Tiap-Tiap Satu Ringgit – 48 % Pertama Atau Terakhir Selainnya – Pertama Bila Kena Dibayar – 4 Mac 2025 Di Mana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
5 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 212 / 2014**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Ketiga Dan Terakhir  
**>> Muka 18**

## &gt;&gt; Muka 17

Nama Penghutang - Mohd Suhaidi Bin Sabri @ Sabli (BYIC NO: 00-262111) Alamat – No. 58, Simpang 326, Kg Perpindahan Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 212 Tahun 2014 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila Kena Dibayar – 4 April 2025 Di Mana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 14 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 134 / 2015**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Terakhir

Nama Penghutang - Dyg Moriana Binti Awg Haji Munap (BYIC NO: 00-276254) Alamat – No. 37, Simpang 342-22 STKRJ Kg Tungku Gadong, BE2519, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 134 Tahun 2015 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 11 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
9 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 435 / 2019**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Dk Zulraini Binti Pg Haji Omar Ali (BYIC NO. 00-271455) Alamat – Teratak Daarussyifa, No. 20A, Spg. 56, Kg. Beribi Gadong BE1118, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 435 Tahun 2019 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 0.16 % Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 11 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
9 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 84 / 2020**

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad  
Pemiutang / Pemetisyen

Badi'euzzaman Bin Mahat [Kad Pengenalan Brunei No. 00-315834 - Kuning]  
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Mac 2025.

Nama dan alamat :  
Badie'uzzaman Bin Mahat,  
Bankrap No. 82,  
Kg. Luagan Dudok, Tutong  
TB1541,

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:  
7 November 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
7 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 244 / 2016**

Baiduri Finance Berhad  
(Previously Filed By HSBC Finance (B)  
Pemiutang / Pemetisyen

Aziemah Binti Zakaria [Kad Pengenalan Brunei No. 01-035825 - Kuning]  
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 29 Mac 2025.

Nama dan alamat Bankrap:  
Aziemah Binti Zakaria,  
No. 53, Spg. 7, Jalan Sungai Cerana,  
RPN Kg. Panchor Mengkubau,  
Mentiri,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:  
20 November 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
7 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 134 / 2014**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Terakhir

Nama Penghutang - Mohammad Paizal Bin Awang Latip (BYIC NO. 01-042696) Alamat – No. 30A, Simpang 2055, Kampong Junjongan, BH2123, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 134 Tahun 2014 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 5 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
9 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 327 / 2015**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Mohammad Zambire Bin Ahmad (BYIC NO. 00-311159) Alamat – No. 42, Spg. 326, Kg. Perpindahan Serasa Muara, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 327 Tahun 2015 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 0.60 % Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 12 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
9 April 2025

**Kes No.  
BCY/CP/508/2017**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Haji Raduan Bin Haji Hassan (BYIC No. 00-266240) Alamat – No: 156 'E' Kampung Tarap Bau/Bukit Marikan, Jalan Kasat BJ2124, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 508 Tahun 2017 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 33 % Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 11 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
10 April 2025

Mohammad Marzuqi Bin Sabtu Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

**Kes No.  
BCY / CP / 401 / 2016**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Kedua

Nama Penghutang - Hajah Hamizah Binti Haji Harun (BYIC NO. 00-304461) Alamat – No. 4, Simpang 30-3-38-5, Jalan Ambin, RPN Kg Lugu BG2921, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 401 Tahun 2016 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 24 % Pertama atau terakhir selainnya – Kedua Bila kena dibayar – 5 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
8 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 140 / 2010**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Terakhir

Nama Penghutang - Hasri Bin Haji Osman (BYIC NO. 00-252768) Alamat – No. 4, (268), Blok A, Flat Guru-Guru Ugama, Kg Serusop, Jalan Muara, Bandar Seri Begawan BB2313, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei

Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 140 Tahun 2010 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya – Terakhir Bila kena dibayar – 13 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
8 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 232 / 2018**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Nor Hanissa Binti Kamarudin (BYIC NO. 01-052537) Alamat – No. 7, Simpang 20, Jalan 83, RPN Kampung Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 232 Tahun 2018 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 5 % Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 11 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
8 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 349 / 2020**

Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Siti Norfaridah Binti Awang Hamzah (BYIC NO. 00-312019) Alamat – Block F, No. 15, Tingkat 1, Barek Polis Muara, Negara Brunei Darussalam Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 349 Tahun 2020 Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 25 % Pertama atau terakhir selainnya – Pertama Bila kena dibayar – 11 Mac 2025 Dimana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:  
8 April 2025

Nur Sariy Syahmina Binti Jaffri Timbalan Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar Brunei Darussalam

**Kes No.  
BCY / CP / 90 / 2016**

HSBC Finance (B) Berhad  
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Masley Bin Haji Sisa BYIC No. 00-259313 / Police WC No. 3871  
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 11 Ogos 2016 telah dibatalkan pada 10 April 2025.

Nama Penghutang:  
Masley bin Haji Sisa

Alamat Penghutang:  
No. 3-2, Block D,  
Spg. 166, Taman Belimbing,  
Kg. Sengkurong / Jerudong,

Negara Brunei Darussalam.  
Bertarikh:  
14 April 2025

**Kes No.  
BCY / CP / 343 / 2024**

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad  
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Bahrin Bin Haji Tuah BYIC No. 00-295037  
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 10 April 2025. Nama dan alamat terakhir diketahui:

Bahrin Bin Haji Tuah  
No. 7, Simpang 235-29,  
Kampong Kiarong,  
Jalan Pasar , Gadong, BE1318,  
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:  
6 Februari 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh:  
16 April 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk  
Perjumpaan Pertama

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh 10 April 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 26 Mei 2025 jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 26 Mei 2025 jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah mynoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:  
16 April 2025

Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/p Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar



# IMBASAN MINGGUAN



ANTARA jemaah yang hadir pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



SEBAHAGIAN daripada aksi perlawanan antara DPMM FC lawan Hawa FC Belait bagi perlawanan Liga Belia Brunei Musim 2025 / 2026 bagi Kategori Bawah 15 Tahun (U15). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



ANTARA pengusaha yang turut serta dalam *pop-up market* sebagai platform bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



BOUSTEAD Sdn. Bhd. iaitu pengedar tunggal kenderaan Nissan di Negara Brunei Darussalam, menganjurkan Konvoi Nissan Terra 79 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai acara Hijrah Walk 3.0 anjuran bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sultan Sharif Ali dan Kumpulan Belia Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



## 'Berkarih, berjariah' dalam berniaga gerai makan

Oleh : Norlia Md. Zain  
Foto : Ihsan Gerai Soto Asynul

**T**ERBINANYA Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Bandar Seri Begawan telah memberikan satu pemandangan unik buat mereka yang rumahnya berhampiran dengan jambatan tersebut.

Pemandangan yang indah terutama pada waktu malam ini telah dimanfaatkan oleh pasangan suami isteri Dayang Noor Hafizah binti Naim (34) dan Awang Mohamad Adi Mazli bin Haji Majin (35) dengan membuka sebuah gerai makan di kediaman mereka yang dikenali sebagai Gerai Soto Asynul.

Melaksanakan perniagaan ini secara sepenuh masa, peniaga yang minat memasak dan berjual-jualan ini, menjual Nasi Katok, pais, soto, mi goreng dan lain-lain dengan harga yang berpatutan bermula daripada harga serendah BND1.50.

Sebelum membuka gerai makan, Dayang Noor Hafizah merupakan seorang suri rumah yang menjual pais beku secara *online* bermula sekitar 2022, manakala Awang

Mohamad Adi Mazli pula berniaga iaitu bekerja sendiri.

Dayang Noor Hafizah bersyukur kerana para pelanggan suka Nasi Katok Padas yang pedasnya mantap, mi goreng dan soto yang sedap. Pelanggan yang datang semula untuk membeli makanan mahupun makan di gerainya merupakan kurniaan rezeki yang benar-benar beliau syukuri.

Dalam menjalankan perniagaan, beliau dibantu oleh ahli keluarga yang lain seperti ibu bapa, anak-anak, anak buah dan lain-lain. Makanan yang dijual di gerai tersebut merupakan resipi sendiri dan juga yang dipelajari daripada ibu beliau. Selain menjual makanan di kawasan rumah beliau juga terdapat satu ruang bagi beliau untuk menjual pakaian kanak-kanak.

Antara cabaran yang pernah dihadapi ialah bilamana ramai pelanggan yang datang hingga tiada tempat duduk yang kosong malah ada pelanggan yang pulang tanpa sempat membuat pesanan.

Beliau mendapatkan bahan-bahan mentah di pasar raya-pasar raya tempatan.

Beliau merupakan seorang pengusaha

Usahawan Bakarih Yayasan sejak Februari 2024 setelah menerima bantuan Modal Bantuan Keusahawanan di bawah Program Keusahawanan di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan (SPK). Skim ini merupakan inisiatif pengupayaan diri khusus bagi golongan sasaran berpendapatan rendah, yang melibatkan pemberian bantuan modal untuk memulakan perusahaan berserta latihan kemahiran dan pemantauan berterusan. Bentuk bantuan yang disediakan merangkumi aspek kewangan, peralatan, latihan serta pemantauan, bergantung kepada keperluan dan kesesuaian setiap pemohon.

Peserta yang layak menerima bantuan modal melalui SPK adalah individu daripada keluarga kurang berkemampuan tetapi memiliki keupayaan fizikal dan mental serta minat untuk menceburi bidang keusahawanan.

Dengan mengikuti program ini beliau bersyukur kerana mendapat Modal Keusahawanan bagi menambah membeli barang keperluan seperti membeli bahan mentah dan *chiller*.

Gerai ini juga menerima tempahan jika ada yang hendak membuat majlis seperti majlis hari jadi dan sebagainya dengan membuat tempahan lebih awal.

Bagi mereka yang ingin melihat hasil jualan mereka, bolehlah melayari TikTok Gerai Soto Asynul & Collection. Bagi mereka yang ingin membuat tempahan secara *pick up* juga boleh dibuat melalui WhatsApp +673 8991000. Pembayaran boleh dibuat secara tunai mahupun *bank transfer*.

Untuk mereka yang ingin berniaga seperti perniagaan ini, beliau menyarankan agar pengusaha melaksanakan perniagaan ini dengan bersungguh - sungguh, menjaga kewangan syarikat dan tabah menghadapi apa juga cabaran berniaga apatah lagi jika perniagaan ini merupakan satu-satunya mata pencarian bagi keluarga.

Mudah-mudahan pengusaha tempatan yang sanggup *berkarih* dan *berjariah* seperti ini sentiasa mendapat sokongan dan pembelian daripada orang ramai agar perniagaan tempatan dapat terus bertahan.



# Kewajipan mengeluarkan zakat, panduan pengiraan zakat

## SIRI PERTAMA

### Pengertian zakat

#### DARI segi bahasa

Bersih, suci, subur, berkat, bertambah dan berkembang.

#### Dari segi istilah syarak

Mengeluarkan sebahagian harta kepada yang berhak menerimanya menurut ketentuan dan ukuran yang ditentukan oleh syarak.

### Hukum mengeluarkan zakat

Hukum mengeluarkan zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syaratnya. Orang yang tidak mengeluarkan zakat adalah fasik dan berdosa besar. Orang yang ingkar akan ketetapan hukum wajib zakat itu pula dikira kufur.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 110 :

**Tafsirnya :** "Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 103 :

**Tafsirnya :** "Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka".

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim :

**Maksudnya :** "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Islam diasaskan atas lima perkara : Kesaksian bahawa tiada Tuhan selain daripada Allah dan Muhammad Pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan fardu haji dan berpuasa di bulan Ramadan".

### Tujuan zakat

1. Membantu umat Islam yang miskin.
2. Melahirkan rasa kasih sayang sesama Islam.
3. Sumber kestabilan dan kemakmuran ummah.
4. Tanda kesyukuran kepada nikmat Allah.
5. Membersihkan hati dari sifat bakhil.
6. Menyucikan harta yang mungkin syubhah.
7. Menyuburkan harta.

### Kelebihan mengeluarkan zakat

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf ayat 156 :

**Tafsirnya :** "Maka Aku akan tetapkan rahmat-Ku (di akhirat) untuk orang-orang yang bertakwa dan yang membayar zakat serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami".

### Akibat tidak membayar zakat

Orang-orang yang tidak menunaikan kewajipan zakat adalah berdosa besar dan akan mendapat azab seksa yang pedih di Hari Kiamat nanti.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah At-Taubah, ayat 34 - 35 :

**Tafsirnya :** "Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak (yang tidak dikeluarkan zakatnya) dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka gembirakanlah mereka dengan azab yang pedih. (Iaitu pada hari dibakar emas dan perak serta harta benda itu dalam neraka jahanam lalu diseterika (dibakar) dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka) : "Inilah apa yang kamu telah simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasailah (balasan azab daripada) apa yang kamu simpan (dengan tidak membayar zakatnya) itu".

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh Abu

Oleh : Jabatan Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei  
Foto : Jabatan Penerangan

Hurairah semasa peristiwa Israk dan Mikraj :

**Maksudnya :** "Rasulullah telah menemui suatu kaum yang berpakaian koyak rabak, koyak di hadapan dan koyak di belakang, mereka berkelakuan seperti binatang temakan, memakan pohon-pohon yang berduri, daun-daun yang pahit rasanya dan batu-batu neraka jahanam. Rasulullah bertanya kepada Jibril : Siapa gerangan mereka itu? Jibril menjawab : Mereka itulah orang-orang yang tidak membayar zakat harta mereka dan Allah Subhanahu Wata'ala tidak sekali-kali menzalimi mereka (hamba-Nya)".

### Bahagian zakat

Dalam Islam zakat itu terbahagi kepada dua bahagian :

1. Zakat Fitrah
2. Zakat Harta

### Zakat Fitrah Pengertian Zakat Fitrah

1. Zakat Fitrah - dinamakan juga zakat *badaniah* atau zakat badan dan dinamakan zakat fitrah kerana ia diwajibkan di hari fitrah (1 Syawal).

2. Zakat Fitrah ialah makanan yang wajib dikeluarkan pada Hari Raya Puasa oleh setiap orang Islam yang mempunyai lebih makanan bagi dirinya dan orang-orang dibawah tanggungannya untuk siang dan malam Hari Raya.

### Kadar Zakat Fitrah

1. Kadar Zakat Fitrah di Negara Brunei Darussalam bagi setiap orang Islam adalah berdasarkan harga beras 2 kilogram 268 gram :  
Beras Siam - BND1.93  
Beras Wangi - BND2.84

2. Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi atau Beras Siam).

3. Dalam pada itu sesiapa yang pada kelazimannya memakan Beras Siam dan juga memakan Beras Wangi, maka adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya dengan Beras Wangi.

4. Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan.

### Syarat wajib Zakat Fitrah

1. Islam.
2. Mempunyai harta lebih daripada keperluan untuk dirinya dan tanggungan pada Hari Raya dan malamnya.
3. Hidup pada akhir bulan Ramadan dan pada permulaan bulan Syawal.

### Waktu membayar Zakat Fitrah

1. Waktu Harus : Sejak dari awal bulan Ramadan.
2. Waktu Sunat : Selepas sembahyang Subuh sehingga imam mendirikan Sembahyang Hari Raya.
3. Waktu Wajib : Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadan.
4. Waktu Makruh : Selepas Sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari 1 Syawal.
5. Waktu Haram : Setelah terbenam matahari 1 Syawal. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qada kerana dikeluarkan di luar waktu.

### Bersambung



# MUSLIMAH MASJID PELAJARI KEMAHIRAN ASAS MEMBUAT ROTI

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Julai. - Seramai 18 orang dalam kalangan Muslimah masjid yang terdiri dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3, Seria; dan Masjid

Az-Zakireen, Meragang telah mengikuti Kelas Kemahiran Membuat Roti yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Kelas tersebut diunkayahkan

**SUASANA** Kelas Kemahiran Membuat Roti yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia, KKBS dan diunkayahkan sebanyak tiga kali, dengan kelas pertama tersebut ialah bagi kelas kemahiran membuat roti canai dan tumpi.

Turut serta dalam kelas berkenaan, Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Antara tujuan Muslimah masjid mengikuti kelas tersebut adalah untuk memberikan pendedahan asas kepada para peserta



khususnya mengenai kemahiran membuat roti yang kurang dipraktikkan pada masa sekarang.

Di samping untuk melahirkan individu yang berdaya tahan, kelas tersebut juga dihasrat memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan, pekerjaan mahupun berkecimpung dalam

perniagaan secara mandiri.

Semoga dengan adanya kelas seumpama tersebut akan dapat memberikan kemahiran asas kepada para Muslimah masjid dan komuniti serta dapat memberi nilai tambah kepada kemahiran khususnya kepada golongan sasaran kelas tersebut.

## Memperkasa wanita dalam pembangunan mampan berteraskan Islam



**SESI** bergambar ramai pada Latihan Kepimpinan Wanita 2025, yang berlangsung dari 11 hingga 15 Julai 2025 di ZHM Premiere Hotel, Padang, Sumatera Barat, Republik Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei

**PADANG, REPUBLIK INDONESIA,** 16 Julai. - Delegasi Majlis Belia Brunei (MBB) telah menyertai Latihan Kepimpinan Wanita 2025, yang berlangsung dari 11 hingga 15 Julai 2025 di ZHM Premiere Hotel, Padang, Sumatera Barat, Republik Indonesia.

Latihan kepimpinan serantau yang dianjurkan secara bersama oleh Women's Wing of the Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and the Pacific (RISEAP) dan Pimpinan Pusat Wanita Islam Indonesia ini menghimpunkan pemimpin wanita Muslim dari 12 buah negara termasuk Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam, Myanmar, Kemboja, Sri Lanka, Republik Filipina, Maldives dan Australia.

Mewakili MBB, Dayang

Nuramalnajihah@Zulaikha binti Hanip, merupakan salah seorang peserta aktif yang mewakili Brunei dalam program lima hari tersebut.

Bertemakan 'Empowering Muslim Women to Lead Sustainable Change through Islamic Principles, Transformative Role Models, Innovative Solutions, and Impactful Case Studies in Environmental Stewardship', program ini menumpukan kepada pemerkasaan wanita Muslim dalam memimpin perubahan mampan berdasarkan prinsip dan nilai Islam.

Latihan intensif tersebut merangkumi empat modul utama: 1. Islamic Enjoinment Towards Eco-Consciousness - Memahami prinsip Islam dalam pemeliharaan alam sekitar; 2. Muslim Women Role Models as Transformative Agents - Mencontohi tokoh wanita

sebagai agen perubahan; 3. Women Co-Creating a Sustainable Future - Merancang masa depan lestari secara kolaboratif; dan 4. Women Voices in Sustainability Work - Menonjolkan suara wanita dalam usaha keberlanjutan.

Beberapa tokoh kanan RISEAP turut hadir dan memimpin sesi utama, antaranya Timbalan Menteri Ekonomi Malaysia & Pengerusi Women's Wing RISEAP, YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib; Setiausaha Agung RISEAP, Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohamad Marzuki; Naib Pengerusi Women's Wing RISEAP, Dr. Hajjah Rahayu binti Ismail; dan Setiausaha Kehormat Women's Wing RISEAP dari Australia, Hajjah Zubeda Raihman,.

Ucapan para tokoh menekankan keperluan penyertaan aktif wanita Muslim dalam pembangunan sosioekonomi dan dasar awam yang inklusif serta berteraskan

prinsip Islam dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Wanita Muslim perlu menjadi penyumbang aktif kepada transformasi sosial dan ekonomi tanpa meninggalkan identiti serta prinsip Islam," ujar Dato Hajjah Hanifah dalam ucapan utamanya.

Di samping sesi latihan, peserta turut diraikan melalui pelbagai acara diplomasi budaya termasuk Gala Dinner yang dianjurkan oleh Gabenor Sumatera Barat, Datuak Marajo H. Mahyeldi Ansharullah dan jamuan rasmi di Rumah Gadang Baiturrahmah, kediaman rasmi ibunda Wali Kota Padang, Fadly Amran.

Delegasi disambut dengan persembahan tradisional Minangkabau seperti Tari Pasambahan dan Tari Piring, serta hidangan istimewa tempatan seperti rendang, gulai tunjang, dan

lamang tapai.

Sebagai sebahagian daripada pembentukan kepimpinan holistik, peserta turut dibawa melawat ke beberapa lokasi bersejarah dan simbolik, antaranya Istana Basa Pagaruyung, Tanah Datar - yang memperkenalkan sistem matrilineal Minangkabau serta peranan wanita dalam struktur sosial dan keluarga; dan Bukit tinggi, termasuk Jam Gadang dan Lembah Anai - lambang ketahanan dan pemeliharaan budaya tempatan.

Menurut Dayang Nuramalnajihah@Zulaikha, pengalaman menyertai latihan ini sangat bermakna dan memperluaskan jaringan kerjasama serantau, "Program ini memperkasa wanita Muslim untuk menjadi pemimpin berprinsip dalam pembangunan mampan berteraskan Islam. Ia membuka ruang dialog dan memperkukuh jaringan ukhuwah serantau".

Penyertaan Brunei dalam program ini juga bertepatan dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan mengamalkan nilai kepimpinan Islam yang progresif serta responsif terhadap isu alam sekitar dan pembangunan mampan.

MBB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur RISEAP, Pimpinan Pusat Wanita Islam Indonesia, Kerajaan Kota Padang, dan Pemerintah Sumatera Barat atas penganjuran yang cemerlang dan penuh nilai pendidikan, budaya serta ukhuwah Islamiah.

# PEMBUAT KERETA CHINA PACU MOBILITI HIJAU DI THAILAND, KATA PAKAR THAI



**BANGKOK**, 20 Julai. - Kehadiran pengeluar kereta China yang semakin meningkat di Thailand telah menandakan satu pencapaian penting dalam usaha kerjasama ke arah mobiliti hijau dan mengeratkan hubungan dengan China, kata seorang pakar industri automotif Thailand.

Suroj Sangsnit, presiden Persatuan Kenderaan Elektrik Thailand (EVAT), menyifatkan perkongsian itu sebagai bukti pembangunan sistematik ekosistem kenderaan elektrik dan langkah strategik ke arah memajukan matlamat alam sekitar bersama.

Dalam temu bual dengan Xinhua baru-baru ini, Suroj menyerlahkan kepakaran bertaraf dunia China dalam teknologi EV, khususnya dalam sistem bateri dan pembuatan berskala industri, yang dilengkapi dengan kelebihan geografi Thailand, buruh mahir dan sokongan kerajaan yang teguh.

Sinergi ini, katanya, membolehkan kedua-dua negara bekerjasama merentasi keseluruhan rantaian nilai EV, daripada pengeluaran kenderaan dan pembangunan infrastruktur kepada kitar semula bateri.

Ketibaan pengeluar China,

menawarkan "teknologi termaju, harga yang boleh diakses dan penggunaan produk yang pantas," telah menjadikan EV lebih mudah dicapai oleh pengguna Thai biasa, memupuk penggunaan yang lebih meluas, katanya.

Itu juga telah mendorong pelaburan dalam infrastruktur seperti stesen pengecasan, perkhidmatan pembaikan bateri, pendidikan penyelenggaraan EV, dan pembuatan alat ganti, katanya.

Pada separuh pertama 2025, pendaftaran baharu kenderaan penumpang elektrik tulen di Thailand meningkat hampir 35 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, mencecah 55,708 unit, di mana jenama China menyumbang hampir 90 peratus, data rasmi menunjukkan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa pembuat kereta China telah menubuhkan kemudahan pengeluaran di Thailand, dengan ketara mengukuhkan cita-cita negara Asia Tenggara itu untuk menjadi hab mobiliti elektrik serantau.

Suroj menekankan peranan EVAT dalam memupuk integrasi serantau dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara dengan mewujudkan rangkaian dengan rakan sejawatannya. Beliau menyatakan bahawa matlamatnya adalah untuk membangunkan piawaian biasa dan membolehkan infrastruktur

rentas sempadan, seperti pengecasan perayauan.

Suroj menekankan bahawa kerjasama EV akan menjadi asas kerjasama masa depan. Beliau membayangkan usaha kerjasama

dalam teknologi, termasuk bateri keadaan pepejal, platform EV pintar, dan penyelesaian kitar semula bateri, dengan penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan bersama di Thailand. - ©XINHUA



MODEL strategik global pertama keluaran pengeluar kereta China, GAC Aion, di kilang kenderaan elektrik (EV) Aion di wilayah Rayong, Thailand.

## Nepal larang aplikasi Telegram

**KATHMANDU**, 19 Julai. - Nepal menyekat akses kepada aplikasi Telegram pada Jumaat, dengan alasan platform media sosial itu digunakan untuk aktiviti jenayah, lapor Xinhua.

Pihak Berkuasa Telekomunikasi

Nepal mengeluarkan notis yang mengarahkan penyedia perkhidmatan telekomunikasi menghentikan akses kepada aplikasi itu serta-merta.

"Jumlah kes penipuan dalam talian terus meningkat di Nepal

seiring dengan penggunaan aplikasi Telegram, dan difahamkan aplikasi itu telah digunakan dalam jenayah serius seperti pengubahan wang haram," menurut notis berkenaan. - ©BERNAMA

## 3 doktor dijatuhi hukuman penjara di Poland berhubung kematian wanita hamil

**WARSAW**, 19 Julai. - Tiga doktor di Poland telah disabitkan bersalah berhubung kematian seorang wanita akibat komplikasi kehamilan selepas mereka enggan menjalankan pengguguran yang berkemungkinan boleh menyelamatkan nyawanya, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Kes berkenaan mencetuskan bantahan besar-besaran kerana dikaitkan dengan undang-undang pengguguran negara itu yang merupakan antara paling ketat di Eropah.

Akhbar Gazeta Wyborcza pada Jumaat menyifatkan sabitan itu sebagai satu detik penting dalam sejarah perjuangan wanita Poland untuk hak mereka, iaitu perjuangan untuk hak asasi manusia.

Kumpulan Strajk Kobiet (Women's Strike) pula memberitahu agensi berita PAP bahawa setakat pengetahuan mereka, ini adalah keputusan mahkamah pertama seumpamanya di Poland.

Insiden itu berlaku pada 2021 di Bandar Pszczyna di selatan Poland, tidak lama selepas undang-undang pengguguran diperketatkan.

Wanita berusia 30 tahun yang hamil anak dengan kecacatan serius telah dimasukkan ke hospital tempatan pada minggu ke-22 kehamilan selepas pundi amnionnya pecah. Para doktor menunggu janin itu mati secara semula jadi, namun wanita berkenaan meninggal dunia akibat kejutan sepsis.

Mahkamah di Pszczyna mendapati tindakan para doktor telah membahayakan nyawa wanita itu dan mereka didapati bersalah kerana cuai dalam tugas perubatan.

Seorang doktor dijatuhi hukuman penjara 18 bulan manakala seorang lagi dihukum penjara 15 bulan. Kedua-duanya turut digantung lesen perubatan selama enam tahun.

Penyelia mereka pula dijatuhi

hukuman penjara satu tahun yang ditangguhkan serta penggantungan profesional selama empat tahun. Menurut PAP, keputusan mahkamah yang dikeluarkan pada Khamis itu masih belum muktamad.

Di bawah pemerintahan kerajaan konservatif sebelum ini, Mahkamah Perlembagaan Poland pada 2020 memutuskan bahawa pengguguran tidak dibenarkan walaupun janin mengalami kecacatan serius. Sejak itu, pengguguran secara sah hanya dibenarkan dalam kes rogol, sumbang mahram atau jika nyawa ibu terancam.

Pada 2024, kerajaan berhaluan tengah-kiri yang memerintah ketika ini cuba melonggarkan undang-undang pengguguran namun gagal meluluskan pembaharuan - termasuk cadangan sederhana seperti memansuhkan hukuman jenayah terhadap individu yang membantu pengguguran. - ©BERNAMA

## Jumlah kematian mangsa disambar petir meningkat kepada 33 orang di Bihar, India

**NEW DELHI**, 19 Julai. - Angka korban akibat disambar petir ketika ribut monsun sejak dua hari lalu meningkat kepada 33 orang di negeri Bihar, timur India, lapor Xinhua.

Seorang pegawai jabatan pengurusan bencana negeri itu pada Jumaat berkata kebanyakan mangsa terdiri daripada petani dan buruh yang bekerja di kawasan lapang.

Mangsa yang cedera telah dimasukkan ke hospital tempatan untuk mendapatkan rawatan.

Banyak kawasan di Bihar mengalami hujan lebat berserta ribut petir dalam tempoh 48 jam lalu.

Jabatan meteorologi tempatan memberi amaran mengenai kemungkinan hujan lebat berterusan dalam beberapa hari akan datang. - ©BERNAMA

## Kemboja banteras pusat penipuan dalam talian, lebih 2,000 ditahan

**PHNOM PENH**, 19 Julai. - Pihak berkuasa Kemboja telah menahan 2,270 suspek, termasuk 424 wanita, dalam operasi terbaharu membanteras pusat penipuan dalam talian di seluruh negara itu, lapor Xinhua.

Menteri Penerangan, Neth Pheaktra berkata pada Jumaat bahawa pihak berkuasa telah menyerbu 45 lokasi di 12 bandar dan wilayah daripada 25 bandar dan wilayah di negara itu.

Beberapa ketua sindiket telah didakwa di mahkamah, manakala yang lain akan dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Operasi banteras jenayah siber di seluruh negara itu telah dilancarkan pada Isnin. - ©BERNAMA

## Korea Selatan: Hujan lebat masuk hari keempat, lebih 7,000 dipindahkan

**SEOUL**, 19 Julai. - Hujan lebat terus melanda Korea Selatan untuk hari keempat berturut-turut pada Sabtu, mengorbankan sekurang-kurangnya empat orang dan memaksa lebih 7,000 penduduk berpindah dari kediaman mereka, lapor Agensi Berita Yonhap.

Pihak berkuasa memberi amaran bahawa sehingga 250 milimeter lagi hujan dijangka turun hari ini, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan berlaku lebih banyak kerosakan dan kemalangan jiwa.

Setakat 6 pagi, Ibu Pejabat Pusat Pencegahan Bencana dan Keselamatan melaporkan empat kematian, termasuk dua di Seosan, Wilayah Chungcheong Selatan dan dua orang dilaporkan hilang di Gwangju.

Arahan pemindahan telah dikeluarkan kepada 7,029 penduduk daripada 4,995 isi rumah, dengan lebih 2,800 orang masih belum dapat pulang ke rumah.

Hujan lebat itu menyebabkan jalan raya dinaiki air, tanah runtuh dan rumah penduduk dilanda banjir di seluruh negara.

Hujan sepanjang malam kekal pada tahap ekstrem di kebanyakan wilayah.

Sebanyak 729 kes kerosakan infrastruktur awam telah dilaporkan, termasuk 388 jalan raya dinaiki air, 133 kejadian tanah runtuh dan kemudahan di sepanjang sungai runtuh.

Kerosakan harta benda persendirian pula mencecah 1,014 kes, termasuk 64 bangunan yang dinaiki air dan 59 kawasan pertanian yang ditenggelami air. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## TANDA KESYUKURAN ATAS PENCAPAIAN 12 TAHUN MRSB



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir menyerikan Program Masjidku Ceria anjuran Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir semasa sesi pemanasan badan.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 Julai. - Sebagai salah satu usaha berterusan dalam memperkasa kesejahteraan fizikal dan spiritual masyarakat, Program Masjidku Ceria anjuran Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar telah berjaya dianjurkan dengan meriahnya.

Program tersebut adalah bersempena

dengan Sambutan Ilal Hijrah 1447 serta Ulang Tahun Ke-12 penubuhan dan perasmian MRSB, Kampung Sungai Akar.

Majlis dimulakan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Kemudian diteruskan dengan aktiviti senaman ringan sebagai sesi pemanasan badan, sebelum peserta menyertai acara walkaton sejauh 1.6 kilometer yang bermula dan berakhir di pekarangan masjid.

Hadir sama-sama menyerikan majlis tersebut, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, selaku Penaung Bersama MRSB.

Acara tersebut menarik penyertaan lebih 100 jemaah dan penduduk Kampung Sungai Akar serta kawasan sekitarnya.

Objektif utama majlis tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran atas pencapaian 12 tahun masjid berperanan sebagai pusat ibadah, dakwah dan masyarakat, di samping mempererat lagi silaturahmi sesama jemaah dan penduduk kampung.

## Bengkel badminton ketengahkan teknik asas, strategi perlawanan

**Siaran Akhbar dan Foto :** Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Julai. - Seramai 50 pemain badminton wanita berumur antara enam hingga 48 tahun telah menyertai Bengkel Kejurulatihan dan Teknik Bermain Beregu 'Badminton for All: Basics to Battle' yang diadakan sebagai pembuka tirai Kejohanan Women in Badminton yang bermula hari ini.

Bengkel anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) dengan kerjasama Super Smasher yang juga disokong oleh Badminton Asia itu telah berlangsung selama sehari di Kompleks Sukan Menglait (KSM), Gadong.

Atur cara bengkel didahului dengan ucapan alu-aluan Presiden PBKBD, Awang Mohd. Zuno Kartono bin Haji Ali, selaku Tutor Persekutuan Badminton Dunia (BWF) dan Jurulatih BWF Tahap 2 PBKBD.

Menurutnya, program tersebut memberi tumpuan kepada aspek penting dalam permainan beregu seperti teknik asas, strategi perlawanan, komunikasi berkesan

antara pasangan, serta peranan jurulatih dalam membimbing pemain.

Antara matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan penyertaan dan tahap kemahiran pemain serta jurulatih wanita dalam sukan badminton melalui pendekatan latihan yang lebih terstruktur dan bersistematik, di samping bertujuan untuk mengenal pasti serta membangunkan bakat-bakat baharu, mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kalangan peserta, serta memupuk nilai-nilai positif seperti keyakinan diri, semangat berpasukan dan rasa tanggungjawab.

Pengisian bengkel dipenuhi dengan aktiviti kemahiran asas seperti gerak kaki dan servis; latihan integrasi kemahiran seperti *net shot* dan *lift*; latihan taktikal dan teknikal yang merangkumi senario semasa bermain dan koordinasi beregu; serta adaptasi permainan secara berkumpulan seperti 'Shuttle Rally Race' dan 'Queen of the Court'.

Bengkel ini diadakan secara



**SESI** bergambar ramai pada Bengkel Kejurulatihan dan Teknik Bermain Beregu 'Badminton for All: Basics to Battle'.

percuma dan dikendalikan oleh Jurulatih-jurulatih BWF Tahap 1 PBKBD.

Kejohanan Women in Badminton memasuki pengujuran kali kedua sejak pertama kali diadakan tahun 2024

yang lalu.

Lebih 150 wanita telah mendaftar untuk kejohanan yang mempertandingkan empat kategori, iaitu Elite, Intermediate, Novice dan gabungan Intermediate Novice.

Kejohanan akan berlangsung bermula 19 Julai hingga 27 Julai 2025 di KSM. Maklumat terkini mengenainya boleh didapati dengan melayari akaun @supersmasher.bn di Instagram.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**ZAKAT DAPAT MEMBERSIHKAN, MENSUCIKAN HARTA SERTA JIWA**